

PARLIMEN KESEMBILAN  
*Ninth Parliament*  
PENGGAL KETIGA  
*Third Session*  
MESYUARAT KEDUA  
*Second Meeting*

---

Jilid III                    Bil. 20                    Hari Isnin                    11 Ogos 1997

---

K A N D U N G A N

MENGANGKAT SUMPAH

Y.B. Dato' Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli  
Y.B. Tuan Tee Thiong Hock  
Y.B. Tuan Zakaria bin Arshad

(Ruangan )

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

Mengalu-alukan Ahli-Ahli Baru

(Ruangan )

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

(Ruangan )

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) 1997  
Rang Undang-undang Pencen Pihak-pihak Berkuastra Berkanun dan  
Tempatan (Pindaan) 1997  
Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan)(Pindaan) 1997  
Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997

(Ruangan )  
(Ruangan )  
(Ruangan )  
(Ruangan )

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat                    (Ruangan )

UCAPAN PENANGGUHAN:

*Industri Perikanan Terjejas*  
- Y.B. Dato' Haji Ahmad bin Ismail

(Ruangan )

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN NEGARA  
Mesyuarat Kedua  
Penggal Yang Ketiga  
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
  - “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
  - “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
  - “ Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
  - “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
  - “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
  - “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
  - “ Datuk Michael Bong Thiam Joo, P.J.N., A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
  - “ Tuan Charern Intachat, A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
  - “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
  - “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
  - “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
  - “ Tuan Ding Seling (Dilantik)
  - “ Dato' Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
  - “ Dato' Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)
  - “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
  - “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed. Zain (Dilantik)
  - “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)
  - “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)
- Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)
- “ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)

- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N.  
(Johor)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Tuan Jinuin bin Jimin (Sabah)
- “ Datuk Johan O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N. (Dilantik)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Dato' P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan Low Kai Meng, P.J.K., J.P. (Perak)
- “ Datuk Maidum P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato' Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Dato' Michael Chen Wing Sum (Dilantik)
- “ Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)
- Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)
- “ Datuk Rahim bin Baba, D.M.S.M, A.M.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Tuan Rosli bin Mat Hasan (Dilantik)
- “ Dato' Saad bin Haji Man, D.S.D.K. (Dilantik)

- “ Tuan Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
- “ Tuan Tan Son Lee, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Kedah)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)
- “ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)
- “ Puan Hajah Zaleha binti Hussin, P.P.N., A.M.N. (Dilantik)

**DEWAN NEGARA**  
**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Negara:	Abdullah bin Abdul Wahab
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha:	Haji Mustakin bin Salamat
Penolong Setiausaha:	Nor Hayatee binti Abdullah

**CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.

***PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN***

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor

**BENTARA MESYUARAT**

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib  
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Isnin, 11 Ogos 1997**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**D O A**

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

---

**MENGANGKAT SUMPAH**

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah:

Yang Berhormat Dato' Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli;

Yang Berhormat Tuan Tee Thiong Hock;

Yang Berhormat Tuan Zakaria bin Arshad.

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru dipilih itu dapat memberi sumbangan mereka yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga mereka dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**PENYELUDUPAN DADAH DI SEMPADAN MALAYSIA/THAILAND -  
PENCEGAHAN OLEH JABATAN KASTAM DAN  
EKSAIS DIRAJA DAN UNIT ANJING PENGESAN**

1. **Tuan Charern Intachat** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) tindakan dan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja untuk mencegah penyeludupan dadah di kawasan sempadan Malaysia/Thailand; dan
- (b) berapakah jumlah kes dadah yang diperolehi oleh unit anjing pengesan dadah di stesen-stesen kastam di sempadan Malaysia/Thailand dari bulan Januari 1996 hingga sekarang.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Di antara langkah-langkah yang sedang diambil oleh Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja untuk mencegah penyeludupan dadah di kawasan Sempadan Malaysia/Thailand adalah seperti berikut:-
  - (i) mengarahkan kakitangan supaya memberi keutamaan dalam usaha mencegah penyeludupan dadah di pintu-pintu keluar masuk sempadan Malaysia/Thailand;
  - (ii) membuat pemeriksaan ke atas kenderaan seperti kereta, bas, lori dan kereta api secara rapi dan melakukan 100% pemeriksaan berdasarkan risk assessment, dengan izin;
  - (iii) membuat pemeriksaan rapi ke atas bagasi dan kargo seperti tong-tong ikan serta bungkusan-bungkusan;
  - (iv) membuat pemeriksaan badan ke atas orang-orang yang disyaki dan mengadakan sekatan jalan di tempat-tempat strategik;
  - (v) membuat rondaan dan serbuan yang kerap ke tempat-tempat yang berisiko tinggi berlakunya penyeludupan;
  - (vi) menggunakan anjing pengesan dadah secara optimum;
  - (vii) bekerjasama rapat dengan lain-lain agensi penguatkuasa dalam dan luar negeri;

(viii) meningkatkan kemahiran kakitangan di dalam tugas-tugas antidadah melalui kursus-kursus di dalam dan di luar negeri; dan

(ix) meningkatkan penggunaan peralatan yang sesuai dan canggih bagi mempertingkatkan keupayaan membanteras penyeludupan dan pengedaran dadah.

Tuan Yang di-Pertua,

(b) Jumlah kes dadah yang diperolehi oleh Unit Anjing Pengesan Dadah di stesen-stesen kastam di sempadan Malaysia/Thailand bagi tahun 1996 ialah sebanyak lima kes, manakala sehingga 5 Ogos 1997 sebanyak sembilan kes.

**Tuan Charern Intachat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Jabatan Kastam merupakan benteng pertahanan yang pertama menghalang kemasukan dadah ke negara kita. Kemasukan dadah kian bertambah, ini dibuktikan dari bertambahnya penagih-penagih dadah.

Jadi, soalan saya mengapakah Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja tidak menubuhkan Cawangan Narkotik untuk menumpu sepenuh masa kepada masalah ini. Pada masa ini bagi pegawai-pegawai di bahagian pencegah lebih minat memperolehi kes-kes penyeludupan yang lain oleh kerana mendapat hadiah daripada jabatan kerana kes-kes dadah adalah sukar diperolehi, oleh yang demikian sukar mendapat hadiah.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, tentang kenyataan iaitu kes penyeludupan dadah bertambah adalah difikirkan sebagai satu kenyataan yang tidak begitu kukuh oleh kerana selama ini walaupun terdapat penambahan daripada lima orang kepada sembilan pada tahun ini tetapi difikirkan perkara ini adalah tidak menjadi sampai

ke tahap yang membimbangkan. Sama ada Cawangan Narkotik itu perlu ditambahkan, bagi pihak kerajaan memanglah difikirkan setakat ini pihak Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja mempunyai keupayaan dan prestasinya adalah memuaskan dalam menangani masalah penyeludupan dadah.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan, kes sempadan Malaysia/Thailand, saya difahamkan oleh rakyat selain daripada dadah, perkara-perkara lain juga diseludup di sempadan umpamanya, perempuan, bayi, kenderaan, barang-barang makanan.

Adakah kerajaan prihatin terhadap perkara ini dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan bagi mengatasi masalah ini dan juga saya ingin mendapat penjelasan adakah Unit Anjing Pengesan ini, saya memahami ianya tidak berkesan kerana ada lima kes sahaja yang dapat diselesaikan hingga sekarang. Adakah kerajaan bercadang untuk menukarkan Unit Anjing Pengesan ini kepada unit binatang lain umpamanya tikus, kucing dan apa sebab Unit Anjing Pengesan ini khusus disediakan untuk dadah?

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, tentang penyeludupan perempuan dan bayi adalah di luar kawalan daripada pihak kastam dan memang mempunyai pihak yang tertentu untuk mengawal perkara seperti ini berlaku. Dan berkaitan dengan, sama ada anjing pengesan dadah itu dapat digantikan oleh tikus ataupun binatang-binatang yang lain, setakat ini tidak mempunyai maklumat seperti ini diterima untuk binatang-binatang yang lain yang boleh menggantikan tugas yang dikhaskan untuk anjing dan setakat ini anjing adalah binatang yang paling berkesan sekali untuk mengesan dadah.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat menyebutkan tadi keadaan ketagihan dadah di negara tidak kritikal tetapi angka menunjukkan bahawa 300,000 rakyat Malaysia yang produktif telah pun terlibat dengan penagihan dadah yang berekod dan ada banyak lagi angka mereka yang tidak berekod terlibat dengan dadah dan 45,000 hard core yang telah pun menjadi penagih yang tegal. Setahu saya dadah tidak diperoses di dalam negara. Kalau ada pun mungkin ada industri, kalau ada pun yang kita

dapat tahu cuma sekali di Ipoh kita sudah dapat tahu ada pihak-pihak yang membuat ataupun yang memproses dadah.

Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, kalau dadah tidak diproses di dalam negara, maknanya dadah datang daripada luar. Di pintu masuk manakah dadah-dadah ini dapat masuk ke negara kita? Sudah tentulah kalau sekiranya kawalan dapat diadakan, angka-angka tunjuk yang ada dalam negara tidak menunjukkan angka-angka yang begitu kritikal. Bagaimanakah pintu-pintu masuk dan juga sempadan-sempadan negara - tempat di mana kita meletakkan kastam, imigresen ini dapat ditembusi? Terima kasih.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia memang menghadapi beberapa masalah dari segi penyeludupan dadah oleh kerana penyeludupannya adalah dibawa masuk ke Malaysia dan di sempadan Malaysia-Thailand itu adalah satu sempadan yang agak panjang dan biasanya penyeludupan ini kebanyakannya adalah daripada segi tiga emas iaitu di dalam kawasan Indo-China dan juga di seledup melalui sempadan Selatan Thailand, biasanya dijalankan dengan jalan darat sama ada melalui pintu masuk sah ataupun tidak sah di sepanjang sempadan bersama Malaysia-Thailand dan juga ada yang dibawa melalui jalan laut dari Thailand melalui Pantai Barat Laut dan pulau-pulau di sekitarnya dan ada juga yang melalui Utara di lapangan terbang antarabangsa Malaysia dan ada juga terdapat penyeludupan yang dijalankan diseludup keluar melalui pos dan melalui lapangan terbang antarabangsa Malaysia.

#### **WORLD DECLARATION ON THE SURVIVAL, PROTECTION AND DEVELOPMENT OF CHILDREN - KEMAJUAN DICAPAI**

2. **Dato' Chet Singh a/l Karam Singh** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan apakah kemajuan yang dicapai sejak ditandatangani "World Declaration on the Survival, Protection and Development of Children" pada 19hb. Julai, 1991.

#### **Setiausaha Parlimen Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat**

[**Tuan G. Palanivel**]: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Dato' Chet Singh, selepas ditandatangani "World Declaration on the Survival, Protection and Development of Children" pada 19 Julai 1991 Kementerian telah membuat beberapa tindakan susulan seperti berikut:

- (i) Satu Pelan Tindakan Kebangsaan Mengenai Kehidupan, Perlindungan dan Perkembangan Kanak-kanak Bagi Tahun 90-an (ringkasnya Pelan Tindakan Kanak-kanak) telah disediakan dan diluluskan oleh Jemaah Menteri pada bulan Julai 1994.
- (ii) Satu, dengan izin, Consultative Forum on Children-Vision 2020 telah diadakan pada 3 hingga 4 Oktober 1995 anjuran kementerian ini. Tujuan forum tersebut adalah untuk mendapatkan pandangan sert input pelbagai agensi kerajaan, NGOs dan pihak swasta mengenai isu-isu yang perlu diambil kira dalam pelaksanaan Pelan Tindakan Kanak-kanak.

- (iii) Satu bengkel khas “Monitoring and Evaluation of Mid-Decade Goals For Children in Malaysia” telah diadakan pada 26 hingga 27 Oktober 1995. Bengkel ini telah dapat melengkapkan jadual mengenai matlamat, indikator dan kemajuan pencapaian dari segi penghidupan, perlindungan dan pembangunan kanak-kanak. Ahli-ahli Bengkel sekali gus telah dilantik sebagai Jawatankuasa Teknikal bagi “Monitoring and Evaluation of Mid-Decade Goals For Children in Malaysia”.
- (iv) Jawatankuasa Teknikal “Monitoring and Evaluation of Mid-Decade Goals” telah menyediakan laporan “Mid-Decade Goals: Caring for the Children of Malaysia” yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Ministerial Meeting, Hanoi pada bulan Novermber, 1995.

Dua bengkel telah diadakan pada 6 hingga 7 Januari tahun ini dan 20 Januari tahun ini untuk tujuan berikut:-

- (i) mengemaskini indikator-indikator ‘End-Decade Goals’ untuk menyediakan laporan prestasi;
- (ii) mengumpul maklumat serta mengenal pasti isu-isu yang dijangka timbul di masa-masa akan datang bagi penyediaan Pelan Tindakan Kebangsaan Ke Arah Tahun 2020; dan
- (iii) mengenal pasti ‘data gap’ dan merancang kajian-kajian yang perlu dilaksanakan untuk mengumpul data-data tersebut. Sekian, terima kasih.

**Dato’ Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita hendak ucapkan tahniah kerana kementerian banyak sangat buat seminar ini, itu dan ini tetapi persoalannya sekarang, pada masa yang sama di kebelakangan ini kita tengok di surat-surat khabar dan di mass media yang lain, peningkatan penderaan budak-budak kecil, anak-anak, bayi dilempar ke longkang dan sebagainya seolah-olah ia berjalan bersama-sama (in parallel) antara banyaknya seminar dan banyaknya anak yang didera, diperkosa dan sebagainya. Jadi, adakah ini menunjukkan satu kejayaan bagi pihak kerajaan atau kerajaan ada pula cara-cara lain bagi menentukan statistik yang berlawanan dengan apa yang kita buat sekarang ini berterusan meningkat. Jadi, adakah keberkesanan itu memuaskan kerajaan dari segi kita hendak menangani gejala besar ini? Ini satu soalan, soalan lain biarlah kemudian. *[Ketawa]*

**Tuan G. Palanivel:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat, mengenai laporan-laporan yang keluar di surat khabar mengenai isu-isu penderaan, ini kita anggap sebagai satu kejayaan kepada kementerian sebab ada kesedaran isu-isu ini dilapor dalam surat khabar. Kalau laporan tidak keluar, kita tidak dapat peluang untuk memberi perlindungan kepada kanak-kanak yang didera ini. Terima kasih.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, dapatkah kerajaan menyatakan pihak-pihak yang terlibat dengan “World Declaration on the Survival Protection and Development of Children” dan apakah langkah-langkah bagi membantu hal-hal yang berkaitan dengan kanak-kanak di Malaysia ini?

**Tuan G. Palanivel:** Tuan Yang di-Pertua, Pelan Tindakan ini sedang dilaksanakan oleh semua agensi kerajaan berkaitan seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat,

Kementerian Luar Bandar sebagai komitmen negara terhadap persidangan kemuncak dunia bagi kanak-kanak. Pada permulaan, untuk mencapai matlamat “Mid-Decade Goals” kita menekankan survival iaitu penghidupan. Kita rancangkan satu program untuk mengurangkan kadar kematian bayi, kadar kematian kanak-kanak dan kadar kematian ibu bersalin. Di bidang-bidang ini, kerajaan sudah mencapai matlamatnya dan “End-Decade Goals” iaitu daripada tahun 1995 hingga tahun 2000 kita menekankan pembangunan kanak-kanak dan perlindungan kepada kanak-kanak ini.

#### **NILAI HARTA BENDA RAKYAT MALAYSIA YANG MUSNAH DI CAMBODIA - JUMLAH**

3. **Tuan Ibrahim bin Daud** minta Menteri Luar Negeri menyatakan berapakah jumlah dalam Ringgit Malaysia nilai harta benda dan pelaburan kepunyaan rakyat Malaysia di Cambodia yang telah musnah atau kecurian semasa perperangan di sana baru-baru ini.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sudah pun dijawab di Dewan yang mulia ini pada 4 Ogos tahun ini dan saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya cuba hendak bertanya jawapan yang saya tahu pada masa yang lepas, apakah jaminan itu boleh kita pegang kerana kita tahu kerajaan Cambodia tidak stabil keadaannya? Jaminan yang macam mana yang dibuat oleh negara kita dengan negara Cambodia?

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawabkan soalan ini kita adalah menjaminkan menerusi apa yang telah disyorkan oleh Perdana Menteri Kedua Cambodia Encik Hun Sen yang telah sendirinya memberi jaminan itu dan setakat itulah kita menerima secara keseluruhannya dan pada masa kini, setakat ini kita percaya tidak perlu kita memerlukan apa-apa jaminan yang lain tetapi kita terus berusaha menerusi ASEAN untuk mencapai kedudukan yang stabil dan pulih semula di negara itu.

**Tuan Yim Chee Chong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini Parlimen Cambodia telah melantik seorang Perdana Menteri Pertama untuk menggantikan Perdana Menteri Pertama yang digulingkan oleh Hun Sen. Apakah pendirian kerajaan kita iaitu Kerajaan Malaysia terhadap pelantikan Perdana Menteri Pertama baru-baru ini di Parlimen Cambodia. Sekian, terima kasih.

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawabkan soalan Ahli Yang Berhormat itu kita masih berpegang kepada persetujuan di Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN yang lalu di mana kita memberi tugas kepada tiga Menteri Luar yang mewakili ASEAN untuk terus berunding dengan kerajaan yang ada sekarang dan pada masa kini saya tidak ada maklumat tambahan yang lain kerana proses perundingan itu masih berjalan pada saat ini juga.

**FAMA - KEUPAYAAN MENGATASI  
MASALAH PEMASARAN HASIL TANI NEGARA -**

4. **Puan Hajah Rahaiah binti Baheran** minta Menteri Pertanian menyatakan keupayaan FAMA bagi mengatasi masalah pemasaran bagi hasil tani negara. Apakah rancangan kementerian bagi mempertingkatkan lagi keupayaan pasar tani supaya lebih profesional dan menarik.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]:** Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah pemasaran pertanian selain padi dan tembakau adalah dikenal pasti seperti berikut:

- (a) penggredan yang tidak menyeluruh untuk semua jenis hasil pertanian seperti sayur-sayuran, ini menyebabkan daya menetapkan harga setanding dengan kualiti hasil tidak dapat dilaksanakan;
- (b) kekurangan tenaga kerja di dalam sektor pasaran dan seterusnya diburukkan lagi dengan kenaikan harga bahan api dan kenderaan;
- (c) pengendalian lepas tuai yang tidak betul dan menyebabkan banyak kerosakan hasil dan seterusnya merendahkan kualiti hasil;
- (d) penyebaran maklumat pasaran yang tidak cekap dan kemas kini;
- (e) penglibatan orang tengah yang dominan dalam sistem pasaran menyebabkan harga meningkat sewenang-wenangnya.

Sejak beberapa tahun yang lalu, FAMA telah mengusahakan beberapa pendekatan bagi menyelesaikan masalah-masalah tersebut dengan perancangan dan pelaksanaan program seperti berikut:

- (a) sedang berusaha untuk melaksanakan skim penggredan dan piawaian yang lebih menyeluruh dan berkesan untuk menggalakkan hasil pertanian yang berkualiti tinggi;
- (b) menggalakkan petani-petani memasarkan pengeluaran mereka secara langsung atau koperasi melalui rangkaian pasar tani FAMA di seluruh negeri;
- (c) mempertingkatkan dan meluaskan kemudahan pengendalian lepas tuai yang lebih menyeluruh di seluruh negara;
- (d) meningkat dan membangunkan maklumat pasaran serta pengedaran maklumat pasaran kepada petani dan perantara pasaran dengan lebih kemas, kini dan berkesan.
- (e) memperkemaskan sistem pemasaran secara langsung dengan bertujuan mengurangkan penggunaan orang tengah bagi menentukan harga kepada pengguna adalah lebih munasabah. Pengwujudan FAMACO adalah salah satu cara ke arah pencapaian matlamat ini.

Walaupun pihak kementerian berpuas hati dengan usaha-usaha setakat ini, namun kementerian juga ingin melihat keupayaan FAMA dipertingkatkan lagi terutama sekali bagi program kemudahan pasar-pasar tani. Pasar-pasar tani memberikan sumbangan yang lebih berguna untuk mencapai objektif FAMA iaitu meningkatkan pendapatan petani di samping mengurangkan kadar inflasi yang memanfaat para pembeli amnya.

Kementerian juga mempunyai rancangan yang berterusan untuk meningkatkan keupayaan pasar tani sebagai saluran pasaran alternatif kepada kumpulan pengeluar. Di bawah rancangan lima tahun semasa, peruntukan

disediakan untuk membangunkan dua buah lagi pasar tani (borong), Rangkaian Gerai Desa Raya iaitu pasar tani kekal di bandar-bandar utama dan dua buah kompleks pasar tani.

Pelaksanaan projek-projek pasar tani di dalam bentuk kekal adalah selaras dengan usaha untuk menjadikan projek ini lebih menarik dan diuruskan secara profesional oleh peserta-peserta yang berdaya maju. Di samping itu, FAMA juga memberi perkhidmatan pengangkutan dan pemprosesan terutama untuk membantu usaha bagi membangunkan usahawan tani di bidang pemasaran. Keupayaan FAMA di dalam perkhidmatan pemasaran ini diperkuuhkan lagi dengan penubuhan FAMACO iaitu anak syarikat yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan aktiviti pemasaran secara komersial.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada mengumumkan iaitu agensi-agensi yang terlibat di bawah Kementerian Pertanian hendaklah menumpu ke arah meningkatkan produktiviti makanan kerana ini akan membantu kepada inflasi. Satu lagi ialah Menteri Pertanian sendiri menyebutkan bahawa Dasar Pertanian Negara akan dikaji semula. Adakah ini bermakna agensi-agensi yang terlibat sekarang ini gagal dalam merubah nasib petani sekarang ini?

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan memanglah dari segi ini berusaha untuk meningkatkan produktiviti malahan kejayaan ini telah terpampang luas. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, dari segi hasil padi sekalipun sudah meningkatkan hasil pertanian dan juga dari segi semua aktiviti telah meningkatkan produktiviti. Dasar Pertanian Negara sedang digubal sekarang ini dan kita hanya menunggu pada hari lusa kita akan berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri untuk membincangkan perkara ini dan insya-Allah, akan dikeluarkan DPN3 ini sebaik mungkin.

**Dato' Eng Hoi Choo:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pihak FAMA sentiasa ingin membantu pasaran pengeluaran petani-petani, termasuk mencari pasaran di luar negeri. Setakat sekarang saya nampak dikatakan buah-buahan banyak pasaran di luar negeri. Setakat sekarang apa buah-buahan telah dapat dieksport ke luar negeri oleh FAMA?

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, memang banyaklah buah-buahan telah dihantar ke luar negeri sekarang, seperti belimbing (star fruit) dan juga tembikai ke Hong Kong dan Taiwan serta di kawasan Middle East, juga manggis telah dihantar ke Jepun dan Eropah serta juga nenas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad.

**Dato' Chet Singh:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 5.

#### **PROJEK UDANG HARIMAU - UNTUNG DAN RUGI**

5. **Dato' Chet Singh [di bawah S.O. 23(2)]** mina Menteri Pertanian menyatakan adakah projek udang harimau yang dilaksanakan oleh banyak pihak (kerajaan dan swasta) di banyak tempat dalam negara ini benar-benar

menguntungkan pengusaha. Berapa banyakkah yang menguntungkan atau berjaya dan berapa banyakkah yang merugikan dan gagal.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, industri ternakan udang harimau adalah satu industri yang menguntungkan kerana ianya mampu memberi pulangan yang baik kepada pengusaha. Kadar pulangan atau keuntungan bersih bagi setiap hektar kolam ternakan adalah dianggarkan lebih kurang RM46,800 bagi setiap pusingan. Bagaimanapun, ianya tertakluk kepada beberapa faktor seperti berikut:

- (i) penggunaan benih yang bebas daripada virus melalui pemeriksaan sebelum dilepaskan ke dalam kolam;
- (ii) sistem pengurusan kolam yang memenuhi piawaian seperti penjagaan yang sempurna, pemakanan dan pusingan air;
- (iii) kualiti sumber air; dan
- (iv) tidak berlakunya serangan penyakit.

Dalam tahun 1995 terdapat sebanyak 3,669 buah kolam ternakan udang harimau di seluruh negara dengan jumlah keluasan 2,623.44 hektar yang melibatkan 1,010 orang pengusaha.

Kementerian Pertanian tidak mempunyai angka-angka yang tepat mengenai bilangan projek ternakan yang diusahakan oleh pihak swasta yang berjaya atau mengalami kerugian dan gagal. Walau bagaimanapun, bagi projek yang dijalankan oleh kerajaan, khususnya Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), bilangan projek serta untung/ruginya adalah seperti berikut:

Bil.	Projek	Tarikh Operasi	Bilangan Kolam	Untung/Rugi
1.	Perlis, Sanglang	1996	20	RM2,405
2.	Kedah (i) Sungai Merbok .....Fasa I	1979	33	

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa makna ‘untung/rugi’ itu? Dia hendak tahu berapa rugi dan berapa untung?

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Okay. Kerugian terkumpul RM1,040,097.95.

Kedua, Sungai Merbok Fasa II.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak, berapa projek yang rugi dan berapa projek yang untung? Itu pada hemat sayalah.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tak apalah, Tuan Yang di-Pertua. Yang saya ada ini ialah bilangan kolam dan keluaran seluruh negara ataupun macam mana?

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau tidak ada angka, minta supaya dijawab dengan secara bertulis pula.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Okay. Saya ingat saya beri secara bertulis.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini dalam akhbar ada mengatakan penyeludupan benih-benih udang harimau. Apakah tindakan kerajaan atas tangkapan penyeludupan tersebut dan penyeludupan itu bagaimana, melalui laut ataupun melalui udara?

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, yang dimaksudkan ialah benih udang. Kita ada kes-kes tertentu yang melibatkan penyeludupan dan pihak kementerian sedang berusaha untuk membanteraskan. Boleh dikatakan penyeludupan adalah melalui laut dan juga daratan, jadi kita sedang berusaha sekarang ini untuk membanteraskan penyeludupan itu.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada menyebut kolam udang di Perlis rugi RM1 juta lebih.....

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tidak.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Sebab bila Tuan Yang di-Pertua sebut tadi untung ataupun rugi? Angka yang diberi itu tidak berapa jelas, saya hendak tanya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta jawapan bertulislah. *[Ketawa]*

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan tentang penyeludupan benih. Kita difahamkan tadi dadah diseludup dari Thailand, benih-benih udang ini diseludup dari negara mana?

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Minta diulang sekali lagi.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Ini masalah penyeludupan. Tadi kita difahamkan dadah diseludup dari Thailand, dari Golden Triangle. Saya ingin mengemukakan soalan, benih udang ini diseludup dari negara mana ke Malaysia dan sejauh mana keprihatinan kerajaan terhadap perkara ini?

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, kita sedang meningkatkan pengaliran hidupan daripada Malaysia ke luar negeri, itu sahaja. Ke Sabah, Taiwan, Jepun, ke Hong Kong, itu yang kita sekatkan.

#### **PENDAPATAN MASYARAKAT LUAR BANDAR - KESEIMBANGAN**

6. **Puan Kamilia binti Ibrahim** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah kementerian dalam menetapkan kadar keluaran negara kasar (GDP) mengambil kira pendapatan masyarakat luar bandar dan adakah kerajaan sedar masyarakat luar bandar menghadapi kesusahan membayar bil api dan air kerana peningkatan kadar caj api dan air tidak seimbang dengan pendapatan harian dan kos kehidupan harian terutama harga makanan.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, pengiraan Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP) adalah berdasarkan pengeluaran seluruh negara, termasuk pengeluaran daripada masyarakat luar bandar juga.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi Malaysia telah berkembang dengan pesat pada kadar purata sebanyak 8.8% setahun sejak tahun 1988. Pertumbuhan ekonomi yang kukuh ini telah membawa manfaat kepada semua lapisan

masyarakat termasuk penduduk-penduduk dari luar bandar. Dengan terdapat lebih banyak peluang pekerjaan, pendapatan per kapita rakyat telah meningkat dari RM5,000 pada tahun 1988 kepada lebih kurang RM11,200 pada tahun 1996. Dengan perkembangan ini, kadar termiskin telah pun menurun separuh daripada jumlah isi rumah dalam tahun 1970 kepada hanya 9.6% daripada jumlah isi rumah dalam tahun 1996. Sementara kadar kemiskinan golongan termiskin telah menurun kepada kadar 2.2% dalam tahun 1995 berbanding dengan 19.6%, 20 tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sedar bahawa sebarang kenaikan tarif api, air boleh membebankan rakyat terutamanya mereka yang berpendapatan rendah dan di luar bandar. Memandangkan ini, kerajaan hanya membenarkan Tenaga Nasional Berhad menaikkan tarif elektrik sebanyak 8.3% daripada 21.7 sen per kilowatt hour kepada 23.5 sen per kilowatt hour pada 1 Mei 1997.

Adalah menjadi agenda utama kerajaan untuk meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup penduduk di luar bandar. Oleh yang demikian, kerajaan akan terus memastikan kemudahan pendidikan, kesihatan dan industri terus dibangunkan di desa. Dari aspek pembangunan pertanian, penduduk luar bandar mendapat manfaat daripada pelaksanaan pelbagai projek kerajaan seperti projek pembangunan pertanian bersepadu, penyediaan infrastruktur pertanian, skim tanam semula, penyatuan dan pemulihan tanah serta khidmat sokongan. Dengan cara ini, produktiviti pekerja pertanian dapat ditingkatkan dan seterusnya meningkatkan pendapatan isi rumah luar bandar.

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi pihak kementerian sudah menyatakan bahawa adanya terdapat penurunan kadar kemiskinan di kalangan penduduk-penduduk miskin ataupun termiskin. Soalan saya ialah adakah penyelidikan telah dibuat bahawa dengan adanya penurunan kadar kemiskinan itu, maka caj tarif api dan air akan dikenakan sebenarnya akan mampu dibayar oleh mereka, agar kita tidak mahu dalam kita berusaha membangunkan negara ke taraf negara membangun terdapat rakyat kita yang tidak mampu membayar api dan air dan tidak menggunakan api dan air, dan berbalik kepada menggunakan lampu minyak dan air perigi?

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu sama ada satu kajian ada dijalankan untuk mengkaji tentang aspek yang telah disebutkan. Tetapi mengenai keluarga yang masih tidak mampu hendak membayar api dan air, memanglah ada dalam pengiraan kerajaan, oleh kerana masih terdapat keluarga yang termiskin di dalam negara kita dan usaha sedang dijalankan untuk membantu keluarga seumpama ini dari pihak-pihak tertentu, kementerian-kementerian yang tertentu supaya dapat meningkatkan usaha mendapatkan rezeki dengan lebih kemampuan yang tinggi lagi dan inilah termasuk untuk membayar bil api dan air.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan sedar bahawa dalam sebuah negara yang mengamalkan dasar ekonomi bebas dan dasar penswastaan, pihak-pihak swasta dan juga pihak-pihak tertentu boleh melakukan penindasan dan eksloitasi terhadap ekonomi rakyat golongan

berpendapatan rendah dan orang-orang di luar bandar. Misalannya, pihak swasta hanya mementingkan keuntungan dan tarif yang dibuat itu diambil kira untuk menampung kos. Begitu juga agensi-agensi lain yang mengenakan bayaran begitu tinggi, misalnya petani. Pihak yang eksplorasi ialah pihak yang mempunyai mesin, mesin padi, mesin traktor dan sebagainya dan pihak yang ada pengangkutan. Begitu juga pengangkutan awam. Kalau dijumlahkan ini semua akan memberi satu bebanan yang cukup berat kepada golongan yang berpendapatan rendah. Apakah usaha kerajaan dari segi hendak melihat perkara ini tidak menjadi suatu penindasan dan eksplorasi?

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, soal tentang permintaan dan bekalan memang akan berjalan secara automatis, iaitu ini akan menentukan sama ada sesuatu syarikat atau sesuatu produk itu dikenakan dengan satu harga sama ada diterima ataupun diminta oleh pembelinya. Walau bagaimanapun, dalam segi pihak kerajaan melaksanakan penswastaan dalam usaha meliberalisasikan ekonomi negara ini, dalam aspek ini kerajaan sentiasa mengambil berat untuk menentukan projek-projek ataupun syarikat-syarikat utiliti seperti PLUS, Tenaga Nasional dan sebagainya yang menentukan utiliti yang penting di dalam negara ini mempunyai saham woolen share. Jadi, ini adalah satu-satu peningkatan di mana boleh menentukan dasar-dasar sesuatu syarikat itu supaya ia tidak mengeksplorasi kehidupan rakyat.

Dari segi itu juga kerajaan sentiasa mengkaji dan menilai perkembangan satu-satu utiliti itu. Umpamanya telah terdapat teguran-teguran, iaitu kenaikan tarif api itu adalah telah menjadi melampau dan telah menjadikan kos pengeluaran di Malaysia ini lebih tinggi daripada kebanyakan negara. Dengan itu kerajaan mengambil berat dan telah juga membuat keputusan untuk menilai semula sama ada tarif yang telah diluluskan oleh kerajaan untuk kenaikan harga tarif itu patut ataupun tidak.

#### **TOKOH AGAMA WANITA SEBAGAI PEWAKILAN DI PBB**

7. **Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada pihak kerajaan bercadang untuk melantik tokoh agama dari kalangan wanita untuk menduduki tempat sebagai ahli perwakilan negara ini di dalam Majlis Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, ahli perwakilan negara atau delegasi Malaysia yang menghadiri kesemua mesyuarat-mesyuarat anjuran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) biasanya terdiri daripada menteri-menteri dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Bagi Perhimpunan Agung PBB pula, selain daripada menteri-menteri dan pegawai-pegawai kanan kerajaan, beberapa wakil rakyat juga menghadiri perhimpunan agung tersebut. Dalam semua mesyuarat-mesyuarat ini kaum wanita turut menganggotai perwakilan negara kita. Kerajaan tidak pernah membezakan antara perwakilan lelaki dan wanita, apa yang penting adalah kepakaran mereka.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini saya terbaca dalam akhbar mengatakan seorang pegawai tinggi di dalam Bank Negara dilantik duduk di Bangsa-Bangsa Bersatu. Apakah kriteria pemilihan itu dibuat?

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Boleh ulangkan sekali lagi soalan itu?

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Baru-baru ini saya terbaca dalam akhbar mengatakan seorang pegawai tinggi wanita di Bank Negara dilantik menduduki di Bangsa-Bangsa Bersatu. Apakah kriteria pemilihan itu dibuat?

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ini adalah satu daripada badan organisasi Bangsa-Bangsa Bersatu, iaitu IMF. Perlantikannya menerusi badan-badan kewangan negara kita dan juga kerajaan.

#### **KEMPEN ANTIMEROKOK - TINDAKAN TERHADAP SYARIKAT PENGETAHUAN**

8. **Tuan Kan Kok Kwan** minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan bahawa sebahagian syarikat tembakau di Amerika Syarikat telah mengakui bahawa menghisap rokok akan mendatangkan penyakit kanser, adakah beliau boleh memberitahu Dewan ini perkara-perkara yang berikut:

- (a) apakah langkah-langkah akan diambil oleh kementerian beliau terhadap syarikat-syarikat tembakau berkaitan dengan perkembangan terbaru dan kempen antihisap rokok diperkuatkan dengan media massa, terutamanya melalui TV dan radio; dan
- (b) apakah sikap kementerian beliau terhadap kegunaan jenama rokok yang popular dan terkenal untuk mempromosikan perkhidmatan dan barang-barangan lain.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan:

- (a) Kementerian Kesihatan sedar dan sentiasa mengikuti perkembangan yang berlaku di negara-negara maju khususnya di Amerika Syarikat berkaitan dengan pengakuan pengeluaran rokok bahawa merokok boleh menyebabkan kanser. Tindakan pengakuan tersebut hanya merupakan jalan keluar untuk mengelakkan syarikat tersebut daripada pampasan kepada pesakit-pesakit kanser yang menuntut ganti rugi.

Dalam hubungan ini, Kementerian Kesihatan akan mendapatkan kerjasama daripada pertubuhan bukan kerajaan, seperti Majlis Kanser Nasional (MAKNA) dan FOMCA untuk melakukan perkara yang sama iaitu mengambil tindakan undang-undang

terhadap pengeluaran rokok di Malaysia. Kementerian Kesihatan secara persendirian atau bersama pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan sering menjalankan pelbagai aktiviti anti-merokok atau tembakau. Di antara aktiviti yang dilaksanakan adalah seminar, sesi ceramah, pameran, bengkel, ‘Hari Tanpa Tembakau/Merokok’, penguatkuasaan peraturan dan lain-lain di peringkat kebangsaan negeri dan daerah. Kementerian Kesihatan juga akan menjalankan ceramah melalui TV dan radio serta penerbitan artikel di media cetak khususnya surat khabar dan majalah.

Kementerian Kesihatan akan meningkatkan kempen ‘antimerokok’ di masa akan datang, khususnya melalui media massa, kerana dengan cara ini maklumat yang disampaikan akan meliputi lebih ramai penonton, pembaca dan pendengar.

- (b) Kementerian Kesihatan memang tidak menyenangi syarikat-syarikat yang menggunakan jenama rokok untuk mempromosikan perkhidmatan dan barang-barangan lain. Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan telah dan akan terus berusaha mengadakan peraturan untuk melarang pengiklanan jenama rokok.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan sedar bahawa di antara sebab-sebab keadaan kebersihan negara kita menjadi kotor ini disebabkan oleh tabiat yang tidak baik bagi perokok-perokok, dan adakah kerajaan sedar berapa ramai di antara Ahli Yang Berhormat yang merokok?

*[Ketawa]*

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka-angka itu. Memang kita mahu ada satu kajian atau survey berkaitan dengan ini.

**Tuan Yim Chee Chong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan rokok adalah seperti dadah, dadah adalah hantu besar, rokok adalah hantu kecil. *[Ketawa]* Penuntut-penuntut yang merokok akan dipecat dari sekolah. Juga mengikut soalan ini, merokok akan menyebabkan penyakit kanser. Kalau rokok ini begitu tidak sihat kepada manusia, adakah Kementerian Kesihatan mengharamkan segala iklan rokok di surat khabar dan televisyen?

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat berkenaan. Memang itulah harapan kementerian saya. Tetapi ada kementerian-kementerian lain terlibat dalam ini, dan pegawai dari kementerian saya ada bincang dengan kementerian yang terlibat, satu masa akan datang kita fikir kita boleh haramkan rokok dalam iklan secara indirect advertisement. Sekian.

9. **Tuan Haji Kassim bin Mh. Yusop** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah Lapangan Terbang Batu Berendam akan diperbesarkan bagi menampung keperluan pengangkutan tempatan dan penerbangan dua hala dengan negara-negara jiran.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini Lapangan Terbang Batu Berendam, Melaka kini dapat menampung keperluan trafik semasa dan tahun-tahun akan datang, memandangkan lapangan terbang baru, iaitu KLIA yang dijadualkan beroperasi pada awal tahun 1998 adalah terletak berdekatan dengan negeri Melaka, maka kerajaan tidak bercadang untuk memperbesarkan lagi Lapangan Terbang Batu Berendam. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Tan Swee Hueng.

**Tuan Low Kai Meng:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Soalan No. 10.

**USAHA SAMA ANTARA BUMIPUTERA/BUKAN  
BUMIPUTERA - INSENTIF**

10. **Tuan Low Kai Meng [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan:

- adakah kerajaan mengambil langkah dan insentif yang diberi untuk menggalakkan usaha sama antara bumiputera dan bukan bumiputera; dan
- adakah kerajaan akan menggalakkan perkongsian bumiputera dan bukan bumiputera dalam bidang ‘retailing’ dan ‘chain stores’ dan adakah kerajaan akan beri insentif khas sebab kekurangan penglibatan bumiputera dalam bidang retailing.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]:** Tuan Yang di-Pertua,

- Kementerian sentiasa mengambil langkah untuk memperluaskan dan menggalakkan usaha sama di antara bumiputera dan bukan bumiputera melalui Majlis Galakan Usaha sama Tulen (MGUT) yang ditubuhkan bagi melaksanakan dan mengawasi program ini. Beberapa siri taklimat ke beberapa buah negara telah diadakan untuk menjelaskan program ini dan menggalakkan penyertaan lebih ramai lagi bumiputera dan bukan bumiputera di samping membantu dan mempermudahkan urusan-urusan syarikat-syarikat usaha sama tulen di peringkat negeri. Usaha ini akan diteruskan meliputi ke seluruh negara. Maklumat-maklumat berkaitan program ini juga telah dan akan disebarluaskan melalui media massa dari masa ke semasa. Sehingga Julai 1997, sejumlah 50 syarikat usaha sama telah ditubuhkan di bawah program ini. Sebagai insentif untuk mempermudahkan syarikat-syarikat usaha sama beroperasi, kerajaan telah menyediakan bantuan kewangan melalui Skim Galakan Usahasama yang dikendalikan oleh konsortium 20 buah bank dengan modal berkumpul sejumlah RM700 juta. Syarikat-syarikat usaha sama telah mendapat pinjaman sehingga RM20 juta bagi tujuan pembelian ekuiti dan juga modal kerja.
- Mengenai usaha sama di bidang retailing dan chain stores, sukacita dijelaskan bahawa kedua-dua bidang tersebut adalah termasuk di bawah sektor perkhidmatan yang memang diberi penekanan dan tumpuan di bawah program ini. Selain daripada sektor pembuatan, pembangunan, harta tanah, infrastruktur sosial dan komersial. Namun begitu, buat ketika ini kementerian tidak berhasrat untuk menyediakan insentif khas bagi bidang retailing dan

chain stores kerana insentif sedia ada telah berupaya menampung keperluan semua sektor.

**Tuan N. Marimuthu:** Tuan Yang di-Pertua, saya sokong penuh terhadap tindakan kementerian bagi mewujudkan usahawan bumiputera. Usahawan kaum minoriti hanya 1.5% sahaja. Di samping itu, apakah bantuan inisiatif, motivasi, nasihat yang diberikan oleh kementerian kepada usahawan daripada masyarakat kaum minoriti, maksudnya masyarakat India?

**Tuan Idris bin Jusoh:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya Majlis Galakan Usaha sama Tulen ini terdiri daripada ahli-ahli daripada Dewan Perniagaan Melayu dan Dewan Perniagaan Cina dan juga gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Malaysia. Jadi, kita pastikan yang semua rakyat Malaysia akan mengambil bahagian dalam Majlis Galakan Usaha sama Tulen ini.

**Tuan Rosli bin Mat Hasan:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan soalan ini berasaskan kepada resolusi Kongres Ekonomi Bumiputera Ketiga dan kita dapat masalah retailing dan linkages, dengan izin, iaitu hubungkait, masalah pembekal bahan binaan kepada usahawan bumiputera agak terpinggir dan ketinggalan, apakah rancangan kerajaan oleh kerana setiap program pembinaan ataupun kontrak pembinaan biasanya pembekalan bahan binaan ini mencakupi sebanyak 60% daripada keseluruhan kontrak.

Jadi, apakah rancangan ataupun persediaan kerajaan supaya networking ataupun jalinan pembangunan pengedaran bahan-bahan binaan ini dapat diusahakan supaya masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera dalam aspek pengedaran bahan binaan ini dapat dijayakan.

**Tuan Idris bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, melalui program Kontraktor Berwibawa dan juga melalui PKK di bawah kementerian, kementerian memastikan bahawa kontraktor yang berwibawa juga mengambil peranan mereka untuk memasuki bidang retailing dan memastikan yang ‘linkages’ mereka dengan pembekal-pembekal yang lain itu diperbaiki dan kementerian dari masa ke semasa akan memastikan juga di bawah program Kelas Menengah Bumiputera ini juga untuk memastikan yang penekanan diberi di dalam bidang ini.

11. **Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin** minta Jabatan Perdana Menteri menyatakan berapa banyakkah khazanah gas asli di luar pantai Pahang sedangkan gas-gas di luar pantai Kelantan dan Terengganu telah pun diperolehi. Adakah usaha-usaha yang telah diambil untuk mendapatkan gas-gas asli di luar pantai Pahang sebelum ini.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Dato', setakat ini tiada medan gas yang ditemui di luar pantai Pahang walaupun aktiviti-aktiviti eksplorasi telah giat dijalankan sebelum ini.

Sejumlah lapan telaga eksplorasi telah digali untuk mengenal pasti kewujudan rizab minyak mentah dan gas asli dalam tujuh prospek yang dikenal pasti.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada yang membawa soalan untuk menanya soalan tambahan.

*[Ketawa]* Saya mengucap terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang bergegas datang daripada Ipoh untuk menjawab soalan daripada Ahli Dewan Negara, ini satu usaha yang amat baik yang telah pun dibuat. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Semenjak tahun 1979 lagi saya difahamkan bahawa ada gas asli di sebelah Pahang ini, tiba sekarang ini tidak ada pula. Jadi, saya hendak jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri ini dengan izin, once for all, *[Ketawa]* usahakan berhabis-habisan untuk mengetahui ada atau tidak gas asli ataupun minyak, kalau tidak ada khabarkan Pahang tidak ada minyak sebab ada benteng besar menutupnya.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah sebut sebentar tadi iaitu bahawa kita telah pun eksplorasi berdasarkan kepada maklumat-maklumat yang diberikan oleh pihak yang berkenaan, kita telah mengadakan eksplorasi

dan kita dapati setelah eksplorasi itu dijalankan bahawa tiada minyak dan gas asli di negeri Pahang. *[Tepuk]*

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian, biasanya jika ada kita menemui gas asli di mana-mana pantai berdekatan sebuah negeri, sebuah negeri itu mendapat manfaat daripada penemuan tersebut. Saya rasa itulah sebabnya Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bertanyakan gas asli di Pahang.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bagaimanakah kita menentukan territory sesuatu negeri itu, adakah penemuan gas-gas asli di laut berhadapan dengan sebuah negeri itu menjadi hak sebuah negeri atau adakah ditentukan beberapa batu notika daripada sebuah negeri itu menjadi hak negeri yang berkenaan dan selainnya akan menjadi hak Federal yang akan dikongsi oleh semua negeri di Malaysia ini?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, sempadan di dalam negara kita mengikut negeri-negeri telah pun diputus terlebih awal termasuk kawasan yang di luar pantai iaitu di laut yang berhadapan dengan negeri yang berkenaan. Tidak ada tempat di mana iaitu kalau didapati sesuatu tempat itu maka dibahagikan kepada negeri-negeri iaitu hasil perjumpaan minyak ataupun gas asli di tempat itu, yang berhak kepada minyak dan gas asli di kawasan laut dalam sempadan negeri berkenaan ialah negeri berkenaan sahaja yang berhak, cuma negeri lain itu akan mendapat hasil daripada Kerajaan Pusat yang mendapat majoriti besar daripada hasil minyak itu, maka ini diagih-agihkan kepada negeri-negeri lain.

Jadi, secara indirectnya iaitu bahawa negeri lain juga mendapat pengagihan daripada keluaran minyak dan gas asli.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah selesai.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.12 hingga 90 akan dijilid dalam buku berasingan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1997) 1997**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” *[7 Ogos 1997]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila sambung menjawab.

**3.35 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar telah menanyakan mengenai masalah yang kerap berlaku sekarang ini ialah sumbang muhrim.

Jadi, takrif sumbang muhrim ialah persetubuhan haram terhadap orang-orang yang diharamkan nikah oleh syarak oleh sebab keturunan, susuan dan persemendaan. Contoh, kalau bapa berzina dengan anak perempuan, datuk berzina dengan cucu perempuan, bapa saudara berzina dengan anak saudara perempuan, bapa susuan berzina dengan anak perempuan susuan, menantu berzina dengan ibu mertua dan lain-lain lagi.

Firman Allah S.W.T. dalam Al-Quran, Surah An-Nisa', Bismillahir-

Rahmanir-Rahim *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* maksudnya:

*“Diharamkan kepada kamu berkahwin dengan perempuan yang berikut:*

*Ibu-ibu kamu, anak-anak kamu, anak saudara perempuan kamu dan saudara perempuan bapa iaitu emak saudara sebelah*

*bapa, anak saudara perempuan sebelah bapa dan sebelah ibu, anak saudara lelaki dan perempuan dan ibu susuan kamu dan saudara perempuan susuan dan ibu mertua kamu, anak tiri perempuan kamu, menantu perempuan kamu dan menghimpunkan adik beradik sebagai isteri-isteri kamu dalam satu masa.”*

Ayat ini menjelaskan bahawa diharamkan berkahwin dengan perempuan-perempuan yang tersebut di atas dan diharamkan juga melakukan perbuatan-perbuatan yang membawa kepada zina.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mengesyorkan di Persidangan Majlis Raja-Raja baru-baru ini agar pentadbiran Jabatan Agama Islam dan juga Mahkamah Syariah di seluruh negara diselaraskan.

Persetujuan telah pun dicapai oleh Majlis Raja-Raja agar perundangan dan Mahkamah Syariah diselaraskan dan kita berharap nanti agar Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri akan menumpukan perkara sumbang muhrim, perkara bapa tiri merogol anak, perkara suami mendera isteri dan sebagainya, agar dapat diadakan penumpuan ke arah berdakwah terhadap perkara-perkara ini.

Yang Berhormat Tuan Ding Seling telah menanyakan dan ia ingin tahu bahawa landasan-landasan terbang di Sarawak sentiasa diberi perhatian khas oleh kerajaan dari segi perkhidmatan udara luar bandar serta infrastruktur padang terbang berkenaan pada keseluruhannya.

Kerajaan akan terus memberikan tumpuan dalam menentukan infrastruktur padang terbang adalah dalam keadaan baik dan kepentingan penduduk-penduduk pedalaman Sarawak yang sangat bergantung kepada perkhidmatan udara dan ini juga sepetimana

yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat bahawa keperluan keselamatan juga akan diutamakan for security reason, dengan izin.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman telah pun meminta supaya lapangan terbang bertaraf antarabangsa dibina di Kuantan. Ingin saya maklumkan di sini, lapangan terbang Kuantan berkemampuan mengendalikan pesawat jenis Airbus berasaskan kepada trafik semasa dan diwujudkan bagi tahun-tahun akan datang. Lapangan terbang mempunyai kapasiti mencukupi untuk mengendalikan keperluan trafik bagi tahun-tahun yang akan datang. Dengan ini kerajaan tidak bercadang untuk meningkatkan lagi lapangan terbang Kuantan pada ketika ini.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz juga telah meminta penjelasan mengenai peruntukan tambahan yang dipohon untuk membiayai hutang Perbadanan Aset Keretapi (PAK), ini kerana menurutnya PAK dan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) akan diswastakan, oleh itu kenapa perlunya peruntukan ini?

Perbadanan Aset Keretapi (PAK) telah mengambil alih semua hutang Keretapi Tanah Melayu (KTM) yang dipinjam dari Kerajaan Persekutuan apabila KTM diperbadankan. Sehingga kini PAK belum lagi membayar balik hutang-hutang tersebut kepada kerajaan, oleh kerana pada masa ini PAK belum lagi diswastakan, maka peruntukan tambahan itu diperlukan bagi membolehkan PAK membayar balik hutang-hutang tersebut yang kena dibayar mulai tahun ini berdasarkan Perjanjian Penjadualan Semula pinjaman-pinjaman yang berkaitan.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz juga meminta penjelasan mengenai nilai aset yang dimiliki oleh PAK pada masa kini. Nilai aset yang dimiliki oleh PAK pada 1 Disember 1996 adalah sebanyak RM1.7 bilion.

Beliau juga menanyakan mengenai keuntungan yang akan dapat kepada pihak kerajaan melalui penswastaan KTMB. Menerusi penswastaan KTM, kerajaan dapat menjimatkan kos penyelenggaraan dan juga kos pembangunan berhubung dengan pengangkutan kereta api. Seperti yang sedia diketahui KTM melaksanakan perkhidmatan pengangkutan kereta api jarak jauh, barang dan juga komuter. Perkhidmatan-perkhidmatan ini adalah sesuatu yang mustahak kepada rakyat dan negara dan semestinya dijalankan. Jika perkhidmatan-perkhidmatan ini tidak diswastakan melalui penswastaan KTM, maka kerajaan sendiri akan menanggung kos untuk melaksanakannya. Dan untuk melaksanakan perkhidmatan-perkhidmatan ini, stok kereta ataupun rolling stock mesti diperolehi dan semua ini akan melibatkan kos berjuta-juta ringgit.

Di samping itu, semua peralatan dan stok kereta perlu diselenggarakan yang mana akan pula melibatkan kos tambahan. Penswastaan juga akan melahirkan peningkatan produktiviti kerana pengorganisasianya akan lebih dinamik dan berlandaskan kepada struktur perniagaan ataupun swasta.

Setiap paras prestasi akan diambil kira dengan teliti kerana sebarang tindakan operasi dan perniagaan akan melibatkan prestasi kewangan KTM akhirnya. Hasil daripada kepentingan produktiviti dan kecekapan operasi akan dapat dinikmati oleh orang ramai yang menggunakan perkhidmatan kereta api. KTM yang maju akan diperlukan membayar cukai semasa seperti badan-badan swasta yang lain, ini adalah faedah yang terus diperolehi oleh kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz juga meminta penjelasan mengenai cadangan KTMB untuk membina landasan kereta api di Pantai Timur beberapa tahun dahulu dan kenapa projek tersebut tidak dilaksanakan. Cadangan yang dimaksudkan ini adalah sebenarnya kajian awal untuk menentukan sama ada wujud kemungkinan untuk membina

landasan tersebut. Kos yang dicadangkan adalah terlalu tinggi sebab melibatkan kereta api laju yang mungkin tidak diperlukan pada masa ini. Malah setelah kajian itu dipersembahkan KTM dan juga EPU merasakan bahawa projek tersebut adalah tidak viable dan dengan itu tidak arif untuk diteruskan.

Yang Berhormat Tuan Janggu Anak Banyang telah menanyakan mengenai perkhidmatan feri di Sungai Rajang, Sarawak. Adalah tidak benar bahawa sebuah sahaja feri yang berkhidmat di Sungai Rajang, terdapat sebanyak enam buah feri kesemuanya yang beroperasi dari empat buah terminal feri iaitu Durin, Aperlanang, Sungai Maung, Simpang Tiga Kampung Datu. Perkhidmatan feri ini mempunyai jadual pelayaran yang tetap dan beroperasi di antara jam 6.00 pagi hingga 10.00 malam dan sehingga 12.00 malam pada waktu-waktu yang puncak ataupun peak hours.

Oleh yang demikian buat masa ini, bilangan feri yang beroperasi mampu memenuhi keperluan perkhidmatan feri di Sungai Rajang. Walau bagaimanapun, apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat itu kerana feri tidak mula bergerak, beroperasi pada mula jam 6.00 pagi tetapi mula beroperasi pada 8.00 pagi, Kementerian Pengangkutan akan meneliti perkara ini.

Yang Berhormat Tuan Abdillah bin Abdul Rahim telah pun menyatakan bahawa apakah ada pertimbangan supaya diadakan tambang murah bagi kapal terbang dan kereta api sempena Sukan Komanwel 1998. Jawatankuasa Eksekutif Majlis Sukan Komanwel yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan sedang meneliti dan mempertimbangkan cara-cara dan strategi untuk memudahkan orang awam seramai yang boleh untuk memenuhi stadium-stadium di mana acara semua jenis pengangkutan bagi orang awam termasuk kereta api dan kapal terbang akan dilaksanakan.

Selain daripada itu, tiket-tiket murah juga akan dilaksanakan supaya ramai orang dapat menonton Sukan Komanwel kita.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja maklum balas yang dapat saya berikan kepada permasalahan yang telah dibentangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan sekiranya ada perkara-perkara yang tidak dapat saya bentangkan di sini, pegawai-pegawai saya akan meneliti perkara ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

#### **RANG UNDANG-UNDANG PENCEN PIHAK-PIHAK BERKUASA BERKANUN DAN TEMPATAN (PINDAAN) 1997**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**3.48 ptg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Pencen Pihak-pihak Berkusa Berkanun Dan Tempatan (Pindaan) 1997 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Pencen Pihak-pihak Berkusa Berkanun dan Tempatan 1980 Akta 239 iaitu undang-undang yang mentadbirkan urusan persaraan dan pencen bagi pekerja-pekerja Badan Berkanun dan Kuasa Tempatan. Suatu takrif baru dan tiga seksyen tambahan akan dimasukkan ke dalam akta tersebut bagi membolehkan opsyen baru diberikan kepada pekerja-pekerja satu-satu badan berkanun atau kuasa tempatan yang melaksanakan Sistem Saraan berlainan daripada Sistem Saraan Baru yang dipakai dalam sektor awam.

Opsi atau pilihan baru ini ialah sebagai alternatif kepada jenis-jenis opsyen yang sedia ada di dalam akta 239 bagi golongan ini iaitu opsyen untuk bersara atas sebab penswastaan satu-satu agensi dan opsyen untuk berhenti menjadi pekerja berpencen secara mengganti hak pencen dengan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang dikebelakangkan.

Di bawah opsyen baru ini, pekerja-pekerja berpencen di agensi-agensi tertentu yang dibenarkan melaksanakan Sistem Saraan yang berlainan daripada Sistem Saraan Baru boleh memilih sama ada untuk kekal

dalam skim pencen yang ada sekarang atau bertukar ke skim persaraan baru iaitu Skim Pencen dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Sekiranya seseorang pekerja itu memilih Skim Pencen dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang baru itu, taraf berpencennya tidak berubah tetapi beliau dikehendaki mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja mulai tarikh kuatkuasa opsyennya itu sehingga beliau bersara.

Faedah persaraan iaitu ganjaran dan pencen pekerja itu hanya akan dibayar apabila beliau bersara kelak tetapi penghitungan kadar faedah akan berlandaskan tempoh perkhidmatan serta gaji terakhirnya sebelum tarikh kuatkuasa opsyen.

Selain daripada itu pekerja yang bersara itu juga dapat mengeluarkan segala carumannya dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang dicarum oleh beliau dan agensinya sepanjang tempoh perkhidmatan selaras dengan undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, perlu saya tekankan di sini bahawa pindaan-pindaan ini tidak sama sekali menggugat taraf berpencen seseorang pekerja badan berkanun atau kuasa tempatan yang telah diperolehi olehnya. Pindaan-pindaan ini hanya bertujuan untuk membolehkan satu skim persaraan baru dipakai ke atas pekerja-pekerja yang memilih untuk tertakluk kepada sistem saraan berlainan daripada Sistem Saraan Baru. Ini bererti pekerja-pekerja yang tidak memilih sistem saraan yang lain itu akan terus menikmati skim persaraan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

**[Tiada Perbahasan]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]**

**Fasal 1 hingga 3** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG AHLI PARLIMEN (SARAAN)(PINDAAN) 1997**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**3.54 ptg.**

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan)(Pindaan) 1997 dibaca kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membuat sedikit pembetulan di atas implikasi kewangan yang dicetak sebagai sejumlah RM24,000 setahun di dalam rang undang-undang yang diedarkan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, jumlah sebenar ialah RM36,000 setahun kerana semasa rang undang-undang ini dicetak, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara belum lagi dilantik.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan beban kerja dan peningkatan kos sara hidup yang semakin bertambah, maka satu kajian semula telah di adakan ke atas gaji dan elaun dan kemudahan Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Kerajaan mendapati bahawa elaun khas yang diterima oleh Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Dewan Negara iaitu sebanyak RM2,090 patutlah ditambah berdasarkan kepada kajian di atas. Oleh itu kerajaan bercadang menaikkan elaun bulanan atau elaun khas Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Dewan Negara sebanyak RM1000 menjadikan RM3,090 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, elaun bulanan Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Dewan Negara adalah diperuntukkan di bawah Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 Seksyen 4(c) dan 4(d). Sebarang perubahan pada kadar elaun bulanan ataupun elaun khas Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Dewan Negara boleh dibuat dengan pindaan undang-undang ke atas Seksyen 4(c) dan 4(d) Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 dan diluluskan oleh Parlimen. Pindaan ini adalah mula berkuasa pada 1 November 1996. Dengan keterangan-keterangan yang saya berikan, saya percaya Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian akan memberikan sokongan sepenuhnya atas cadangan Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan)(Pindaan) 1997 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tuan Yim Chee Chong.

**3.57 ptg.**

**Tuan Yim Chee Chong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan)(Pindaan) 1997.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai pendahuluan saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kelab Senator Malaysia pada minggu yang lalu telah mengadakan mesyuarat. Dalam mesyuarat Senator-senator itu dengan sebulat suara kita menghidupkan semula Kelab Senator Malaysia ini yang sudah lebih dari enam tahun tidak aktif. Sekarang di bawah pimpinan Yang Berhormat Senator Datuk Rahim Baba nampaknya, *[Tepuk]* terima kasih atas tepukan, bukan untuk saya, untuk Datuk Rahim, atas usaha Datuk Rahim kita menghidupkan semula Kelab Senator Malaysia. Kelab Senator Malaysia adalah amat penting pada hemat saya oleh kerana Senator-senator di Malaysia ini memainkan peranan yang penting untuk membahas dan meluluskan undang-undang di negara kita ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini kita sedang bahas berkenaan dengan Akta Saraan, bukan Kelab Senator.  
*[Ketawa]*

**Tuan Yim Chee Chong:** Tadi saya telah mengatakan ini adalah pendahuluan, Tuan Yang di-Pertua. Akan sampai kepada perbahasan saya berkenaan dengan tajuk ini.

Saya menyeru kepada semua pihak dan Kerajaan Pusat memberi sokongan dan segala bantuan kepada Kelab Senator Malaysia agar supaya Kelab Senator Malaysia akan memainkan peranan penting untuk berkhidmat kepada rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun yang lalu saya pernah mencadangkan supaya kerajaan membayar bil-bil telefon Ahli-ahli Yang Berhormat sekali bayaran, tidak payah menyerahkan bil-bil pada tiap-tiap bulan, ini untuk menjimatkan masa Ahli-ahli Parlimen. Pada hari ini kita telah dimaklumkan bahawa Kerajaan Pusat telah menerima cadangan ini mengikut surat bertarikh pada 23 Julai tahun ini dari Setiausaha Bagi Parlimen Malaysia yang hantar kepada Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat bahawa Kertas Statute 235/83 mengenai kemudahan telefon telah berkuatkuasa mulai dari 1 November 1996. Ini bermakna setiap bulan Senator ataupun Ahli-ahli Dewan Rakyat tidak payah serah bil-bil telefon setiap bulan kepada pihak Kewangan Parlimen ini. Saya ingin ucapan terima kasih kepada kerajaan yang menerima cadangan saya.

Selain daripada itu, di Dewan Negara yang mulia ini saya juga mencadangkan bahawa peruntukan bagi Senator sebanyak RM100,000 untuk satu penggal, bermakna setiap tahun RM33,000 sahaja, ini bilangan yang tidak banyak. Jadi, saya pernah mencadangkan supaya peruntukan ahli-ahli Senator dinaikkan dari RM100,000 satu penggal menjadi tiap-tiap tahun RM100,000. Saya difahamkan oleh kawan saya dari UMNO, beliau kata ada

hubungan dengan pihak atas, kata akan terima cadangan ini setiap Senator diberi sebanyak RM100,000 peruntukan setiap tahun. Kalau cadangan ini diterima, saya juga ingin ucapkan terima kasih kepada kerajaan oleh kerana peruntukan ini bukan untuk Senator, tetapi seperti saya katakan dahulu adalah untuk persatuan-persatuan kebajikan, untuk sekolah, untuk masjid, kuil dan Chinese temple. Peruntukan ini boleh merapatkan Senator dengan rakyat oleh kerana kalau adanya peruntukan, kebanyakannya pegawai persatuan akan minta daripada Senator dan Senator boleh merapatkan diri kepada persatuan-persatuan, dari rakyat kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, tentang AP, baru-baru ini kementerian telah menguntukkan AP bukan sahaja untuk Ahli Dewan Rakyat bahkan juga untuk Ahli Dewan Negara. Sahabat-sahabat kita sekarang sudah mempunyai AP tetapi ramai Senator yang mengatakan mereka ada wang untuk membeli kereta tetapi tidak ada wang untuk membayar duti import yang begitu tinggi hingga 200% pada price itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya berada di Dewan yang mulia ini untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini, ramai Senator telah minta saya, saya ditugaskan oleh Senator-senator supaya mengemukakan perkara ini. Kita ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana memberi satu AP kepada Senator-senator, tetapi saya ingin mencadangkan bagi pihak kawan-kawan saya yang mengatakan bahawa kita minta kepada kerajaan supaya Senator-senator dikecualikan daripada duti import kereta mereka yang dibeli itu. Pada minggu yang lalu dalam mesyuarat Senator-senator Malaysia dengan sebulat suara memohon kepada kerajaan supaya dibebaskan daripada cukai itu.

Rasuah pada hari ini sudah menjadi satu tajuk yang penting di negara kita ini. Kita semua melawan rasuah yang membebaskan Senator daripada bayaran cukai import ini. Saya ingat ini pun satu cadangan yang baik, oleh kerana Senator adalah orang yang bersih, yang berkhidmat kepada negara, yang berkhidmat kepada rakyat, kebanyakannya masanya adalah untuk berkhidmat kepada rakyat dan negara, tidak ada banyak time untuk mencari wang untuk bermiaga, jadi wang pun kurang, tidak begitu banyak macam businessman. Kalau businessman boleh bermiaga, untung banyak, dia beli kereta model 320 pun tidak ada masalah, bayar berapa peratus cukai, 300%, 500% cukai pun tidak apa, tetapi saya nampak ramai kawan-kawan, Senator itu adalah orang yang kebanyakannya full time untuk politik. Kalau begitu, kerajaan membebaskan cukai ini, saya ingat juga boleh tolong-menolong Ahli-ahli Senator supaya mengatasi masalah kewangan mereka. Saya harap kerajaan akan bertimbang rasa tentang rayuan daripada Ahli-ahli Senator. Saya adalah bertugas untuk menyampaikan hal ini kepada Kerajaan Pusat kita supaya rayuan ini akan dapat dilayan dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini saya ingin menyentuh tentang elaun mesyuarat. Sekarang ini elaun mesyuarat telah dinaikkan daripada RM75 hingga RM150 setiap hari kita menghadiri diri dalam mesyuarat. Kawan-kawan kita mengatakan mereka sudah lama submit permohonan elaun itu dan sudah diluluskan, sudah menerima cek itu. Tetapi oleh kerana kenaikan elaun itu, mereka tidak sempat mendapat elaun tambahan. Mereka ada bertanya

pihak Kewangan, pihak Kewangan kata, itu sudah minta, tidak ada lagi. Kalau Yang Berhormat submit permohonan itu, akan ditolak oleh AG. Saya belum submit lagi, jadi saya boleh minta elaun yang baru tetapi ramai kawan saya, termasuk Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar hari itu dia kata jangan lupa. Jadi, sekarang ini saya cadangkan kepada Dewan yang mulia ini agar supaya elaun tambahan itu akan diberi kepada Senator-senator yang sudah submit permohonan untuk elaun yang sudah diluluskan itu, tunggakan mereka itu saya harap kerajaan akan timbang rasa supaya memberi tunggakan kepada kawan-kawan kita yang tidak dapat elaun tambahan itu.

Kalau mengikut undang-undang, Tuan Yang di-Pertua, Kertas Statute 235/83 ini adalah back dated, berkuatkuasa mulai dari 1 November tahun yang lalu. Mengikut undang-undang, kalau kes ini dibicara di dalam mahkamah, andai kata, pun boleh menang juga sebab back dated. Sungguhpun kawan-kawan kita sudah minta elaun skel yang lama, sekarang mengikut skel yang baru, saya harap kerajaan akan timbang permohonan mereka itu. Dewan Negara kita ini adalah meluluskan undang-undang. Kita boleh meluluskan apa sahaja undang-undang. Kalau sekiranya ahli-ahli Senator ingin meminta tambahan itu, saya harap pun boleh juga, diharap kerajaan akan timbang tuntutan dari kawan-kawan kita itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut pindaan rang undang-undang hari ini, iaitu Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 1997 ini adalah berkenaan tentang bayaran elaun kepada Timbalan Yang di-Pertua dan juga rang undang-undang ini akan melibatkan kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amanannya dianggarkan sebanyak RM24,000 sahaja setahun. Saya menyokong rang undang-undang ini oleh kerana pada hari ini elaun Yang di-Pertua dan elaun Timbalan Yang di-Pertua ada bezanya. Jadi, kalau kita naikkan elaun Timbalan Yang di-Pertua, ini adalah adil dan saksama. Kita boleh menggalakkan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Dewan Negara ini supaya terus berkhidmat kepada negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh hal yang demikian, saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih. Salam mesra.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Rahim Baba.

#### **4.13 ptg.**

**Datuk Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum memulakan perbincangan dan juga perbahasan Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 1997, bagi pihak keseluruhan Ahli Dewan Negara, saya ingin mengambil kesempatan ini mengalu-alukan perlantikan Yang Berhormat Dato' Ghazi Haji Ramli, Yang Berhormat Tuan Zakaria Arshad dan juga Tuan Tee Thiong Hock sebagai Ahli Dewan Negara. Saya percaya ketiga-tiga Yang Berhormat ini akan dapat memainkan peranan dan juga memberikan sumbangan kepada Dewan ini dan di atas pengalaman-pengalaman mereka itu, saya mempunyai keyakinan bahawa mereka ini akan merupakan satu aset kepada Dewan Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin mendapatkan sedikit penjelasan kerana apabila saya pergi kepada rang undang-undang ini, khasnya dari segi implikasi kewangan, katanya RM24,000 tetapi dalam pengamatan saya, saya dapati Dewan Rakyat ada dua Timbalan Yang di-Pertua, Dewan Negara ada satu, maknanya tiga Timbalan

Yang di-Pertua, kemungkinannya telah pun di'over look' tentang kedudukan di Dewan Negara ataupun kemungkinannya kadangkala apabila kita membuat undang-undang seperti ini, saya berharap kepada pegawai-pegawai kerajaan supaya memikirkan dengan secara mendalam supaya perkara-perkara kecil walaupun kemungkinannya boleh dikatakan dianya telah pun terlepas pandang ataupun over look.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Telah dipindakan tadi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

**Datuk Rahim bin Baba:** Oh, telah dipinda?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Pembetulan.

**Datuk Rahim bin Baba:** Maaf. Kalau sudah dipinda, saya minta maaflah.

Yang keduanya, saya dapati memang Parlimen dan juga kerajaan dengan peruntukan yang sama kepada Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara yang akan dapat RM3,090. Maknanya sama antara Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan juga Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Begitu juga saya percaya Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat menerima saraan yang sama. Betul Setiausaha Parlimen ya? Maknanya, Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan juga Yang di-Pertua Dewan Negara mendapat saraan yang sama, tidak ada perbezaan antara kedudukan kedua-dua Yang di-Pertua ini. Tetapi apabila saya melihat tentang saraan kepada ahli Dewan Negara dan juga Dewan Rakyat, saya nampak ada perbezaan pula, di mana Dewan Rakyat diberikan RM4,800 sebulan, campur RM90 baru-baru ini. Tetapi Dewan Negara, berapa Tuan Yim? Tuan Yim, elau Dewan Negara berapa?

**Tuan Yim Chee Chong:** RM3,090.

**Datuk Rahim bin Baba:** RM3,090. Jadi, saya fikir mungkin jugalah agaknya kerajaan sudah overlook atau terlepas pandang perkara ini. Kerana taraf kedua-dua Dewan ini sama. Jadi, saya berharapkanlah supaya dalam pindaan yang akan datang supaya perkara ini dapat diperbetulkan, kerana biarlah kalau kedudukan Yang di-Pertua Dewan Negara dan juga Yang di-Pertua Dewan Rakyat setara. Kedudukan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan juga Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat pun sama tingginya. Dan kita harap juga kedudukan ahli Parlimen ataupun ahli Dewan Rakyat dan juga ahli Dewan Negara biarlah sama taraf antara kedua-dua Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengenai kaedah perlantikan ahli-ahli Dewan Negara. Saya dapati adakalanya setengah-setengah daripada ahli-ahli yang dilantik kadangkala seolah-olah menggantikan tempat kekosongan. Katalah kalau kekosongan itu, seorang itu telah pun dilantik selama dua tahun, selepas itu dia telah pun berhenti ataupun terpaksa meninggalkan jawatan untuk pergi ke Dewan Rakyat ataupun Dewan Undangan Negeri, jadi akan berlaku kekosongan. Apabila berlaku kekosongan, mereka yang menggantikan tempat tadi hanya dilantik untuk tempoh yang ada sahaja, katakanlah setahun. Kalau ada setahun lagi, maka setahunlah. Kalau nasib baik, dapat sambung lagi tiga tahun, kalau nasib tidak baik maknanya setahun sahajalah seorang itu akan jadi ahli Dewan Negara.

Ini saya percaya kena dilihat balik kaedah perlantikan ini. Saya berharap supaya mereka yang dilantik dalam kategori ini jangan dianggap bahawa perlantikan itu untuk mengisikan sebarang kekosongan, supaya perlantikan itu juga untuk tempoh tiga tahun. Kerana individu yang berbeza, dan ada juga implikasinya dari segi pendapatan, penceن dan sebagainya. Kerana saya difahamkan penceن akan dikira seolah-olah, kalau tiga tahun kemudian, selepas itu kalau lagi ada setahun, maknanya empat tahun sahaja untuk pengiraan penceن. Tetapi dari segi penggal ataupun term dianggap sebagai dua penggal. Ini kena diperhatikan oleh pentadbiran pihak kerajaan untuk berlaku adil kepada mereka yang dilantik supaya mereka juga dianggap sebagai telah pun memenuhi dua penggal, kerana dari segi penceن, dari segi gratuity dan sebagainya kerana ianya mempunyai kesan yang sebegin mendalam kepada mereka yang terlibat di dalam perlantikan-perlantikan yang seperti ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, cuma itu sahajalah pandangan saya, dan saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

#### **4.20 ptg.**

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut berdiri pada petang ini untuk sama-sama membahaskan akta yang dinamakan Akta Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 1997.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan yang telah pun mendengar pandangan dan juga yang telah bertindak begitu cepat, di mana perlantikan Timbalan Speaker Dewan Negara dan Dewan Rakyat telah pun diadakan melalui akta yang saya sebutkan tadi. Mengikut apa yang kita dengar daripada Yang Berhormat Setiausaha Parliment tadi perlantikan ini akan berkuatkuasa mulai 1 November 1996.

Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur sebagai ahli Parlimen, kita adalah di antara insan-insan yang bertuah di negara ini. Kita mempunyai penduduk 20 juta dan kita di antara penduduk yang begitu ramai, kitalah di antara orang yang bertuah yang telah dipilih untuk berada sama ada di Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara. Sebelum saya berada di Dewan Negara ini saya sering mendengar bahawa kita mempunyai Dewan Rakyat yang sering membahaskan bil-bil yang dibentangkan dan bil-bil ini akan dibawa ke Dewan Negara, dan Dewan Negara dianggap sebagai rubber stamp. Selama hampir 3 tahun saya berada di sini, saya dapat bahawa di Dewan Negara, rakan-rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan Negara telah pun memainkan peranan yang begitu aktif. Saya gemar mendengar perbincangan-perbincangan yang dikemukakan, soalan-soalan mulut yang dikemukakan dan saya dapat bahawa Dewan Negara telah pun memainkan peranannya dan ahli-ahli Dewan Negara telah pun menjalankan tanggungjawab di samping mereka juga menjalankan kajian-kajian dan juga rujukan-rujukan untuk memberi pandangan-pandangan dan juga pendapat-pendapat yang dapat dimanfaatkan oleh negara kita.

Oleh yang demikian, saya juga sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Datuk Rahim tadi merasakan pihak kerajaan harus menilai semula dan kita harus menentukan supaya pengiktirafan dan juga recognition, dicadangkan kepada Dewan Rakyat dan Dewan Negara ini harus diberi pengiktirafan yang setimpal.

Saya kira ini bukan sahaja pandangan daripada saya, tetapi di dalam sebuah seminar yang dianjurkan oleh sebuah kerajaan negeri yang melibatkan ahli-ahli Dewan Undangan Negeri juga disebutkan oleh salah seorang penggubal ataupun pemegang jawatan yang penting di dalam undang-undang menyatakan bahawa Ahli Dewan Negara adalah sebagai rubber stamp. Bil-bil yang dibawa ke dalam Dewan Negara adalah untuk diluluskan tanpa pindaan.

Kita memang sedar bahawa bil-bil yang dibawa dalam Dewan Negara tidak dipinda. Tetapi dalam membincangkan rang undang-undang ataupun bil-bil yang dibawa ke Dewan Negara, banyak pandangan dan juga banyak cetusan-cetusan pemikiran yang dikemukakan untuk ditimbangkan oleh kerajaan bagi kebaikan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya sebutkan tadi, kita berterima kasih kepada pihak kerajaan kerana pihak kerajaan telah pun mengambil kira untuk memperuntukkan dan juga melantik Timbalan Speaker bagi Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara. Kita sedia maklum tugas sebagai Speaker Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara adalah merupakan tugas yang berat. Dengan adanya Timbalan Speaker bagi Dewan Negara, sudah tentu akan dapat membantu Tuan Yang di-Pertua dalam menjalankan urusan-urusan Dewan. Setelah saya meneliti peruntukan-peruntukan yang dipohon tadi, saya kira peruntukan-peruntukan yang dipohon itu tidaklah merupakan satu bebanan ataupun satu perbelanjaan yang besar bagi negara, kerana Parlimen adalah merupakan badan perundangan yang tertinggi di negara. Tidak ada badan perundangan yang lebih tinggi selain daripada Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara. Pada hal kalau kita lihat di luar daripada Parlimen ini di dalam sektor korporat misalnya, pendapatan dan juga taraf kehidupan mereka yang berada di dalam sektor-sektor yang berkenaan jauh lebih baik dan jauh lebih tinggi daripada ahli-ahli Yang Berhormat yang berada di Dewan Negara dan juga di Dewan Rakyat.

Begitu juga dengan pemegang-pemegang jawatan sama ada dalam kerajaan itu sendiri. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri misalnya, gaji yang diterima oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kadangkala lebih rendah daripada gaji yang diterima oleh eksekutif-eksekutif ataupun mereka yang memegang jawatan di dalam sektor-sektor swasta. Saya tidak menyebutkan perkara ini berhasrat untuk meminta ataupun untuk memohon kepada kerajaan supaya dinaikkan elauan dan sebagainya. Saya menyebutkan perkara ini kerana dalam menyokong rang undang-undang ini, saya kira soal peruntukan yang dipohon itu tidak menjadi satu perkara yang perlu dipertikaikan sebagaimana saya sebut tadi, kerana apa yang dipohon itu adalah jauh lebih munasabah daripada keadaan dalam negara kita. Kita sedar bahawa elauan yang diterima sama ada oleh pemimpin-pemimpin di negara kita dan juga oleh ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara ini adalah merupakan sebagai satu ganjaran yang mana dari segi tugas kita tidak menilai bahawa apa yang kita dapat itu kita harus bertugas setimpal dengan peruntukan yang kita terima. Malahan kita menganggap bahawa tanggungjawab kita sebagai orang-orang yang telah diberi amanah dan orang-orang yang telah diberi peluang sebagaimana saya sebut tadi adalah lebih besar, dan kita menunaikan tanggungjawab itu dengan sebaik-baik mungkin demi untuk masa depan agama, bangsa dan negara.

Kita amat prihatin dan kita amat bersyukur kerana pemimpin-pemimpin negara kita telah pun menunjukkan sikap kepimpinan yang begitu baik dengan meletakkan kepentingan negara jauh lebih daripada kepentingan diri sendiri. Walau bagaimanapun, saya juga menyokong pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Yim tadi dan juga Yang Berhormat Datuk Rahim bin Baba di mana beberapa perkara yang kita lihat bahawa ia merupakan kelemahan-kelemahan ataupun perkara-perkara yang mungkin kita overlook, dengan izin, dapat diberi perhatian. Sebagaimana yang disebut oleh Tuan Yim tadi, ada satu circular yang menyebutkan ataupun yang telah menghuraikan mengenai peruntukan-peruntukan tambahan kepada ahli-ahli Parlimen yang berkuatkuasa juga mulai November 1996. Saya bersetuju dengan Tuan Yim tadi yang menyebut bahawa apabila ia dijadikan sebagai satu peraturan, maknanya ia merupakan satu hak. Apabila ia merupakan satu hak, kita berharap supaya pihak Parlimen dapat memikirkan bagaimana bagi mereka yang telah membuat tuntutan supaya perbezaan ini dapat dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai Parlimen ini sendiri. Saya berterima kasih kepada pihak Parlimen kerana beberapa teguran yang telah pun dibuat oleh ahli-ahli Dewan dalam mesyuarat yang lalu mengenai kebersihan, mengenai peralatan di Parlimen ini telah pun diambil tindakan. Kita dapati kantin, tempat kita semua berehat sewaktu berada di Dewan ini telah pun diperbaiki peralatannya dan juga diperbaiki perkhidmatannya. Begitu juga dengan pejabat-pejabat kakitangan Parlimen, banyak perubahan-perubahan telah pun berlaku. Dalam mesyuarat yang lepas kita dapati microphone di dalam Dewan ini sendiri telah pun menjadi satu gangguan yang besar kepada kita. Tetapi pada kali ini kita belum lagi melihat ataupun mendengar ada gangguan-gangguan dari segi bunyi dan sebagainya. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Parlimen yang telah pun memberi perhatian kepada beberapa teguran yang telah pun kita buat pada persidangan kita yang lepas.

Namun, Tuan Yang di-Pertua, saya kira masih ada lagi perkara-perkara yang harus kita perbaiki. Sebagaimana saya sebutkan tadi, Parlimen adalah merupakan rumah pembuat dasar kepada Kerajaan Malaysia. Saya berpeluang melawat beberapa buah Parlimen, di Pakistan, di South Africa dan sebagainya. Kita tidak menyatakan Parlimen mereka cantik. Mungkin Parlimen mereka di setengah-setengah negara yang besar lebih besar daripada Parlimen kita, tetapi alat-alat yang ada di dalam dewan mesyuarat ada setengah-setengahnya mempunyai alat-alat yang lebih canggih untuk membantu Speaker dalam mengendalikan persidangan. Sebenarnya saya tidak melihat di depan, mungkin Tuan Yang di-Pertua telah pun dibekalkan dengan alat-alat di mana Tuan Yang di-Pertua dapat mengenal ahli-ahli yang bangun bercakap dapat membantu Tuan Yang di-Pertua dengan menggunakan alat elektronik yang moden. Saya tidak tahu sama ada perkara ini telah pun diadakan di bilik Parlimen ini. Jika tidak, kita berharap supaya pihak Parlimen memberikan kemudahan-kemudahan yang sebaik mungkin kepada persidangan Parlimen membantu Tuan Yang di-Pertua untuk mengendalikan persidangan. Kerana baru-baru ini saya kira Tuan Yang di-Pertua beberapa kali tersalah sebut, mungkin Yang Berhormat Puan Kamilia, tetapi dipanggil sebagai Yang

Berhormat Mastika, saya sendiri. Saya tidak menyatakan kemungkinan ini berlaku kerana kurangnya peralatan dan juga alat tunjuk yang ada untuk membantu Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya sebut tadi, ada lagi perkara yang harus kita perbaiki di Parlimen ini kerana Bangunan Parlimen ini adalah merupakan satu tempat ataupun suatu bangunan yang menjadi kebanggaan di negara kita. Saya berharap supaya pihak Parlimen dapat menyediakan mereka yang membersihkan bangunan, bilik air dan sebagainya di Parlimen ini menyediakan .....

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Ya, terima kasih. ...menyediakan pekerja-pekerja yang khusus ataupun jika tidak dapat diselenggarakan dengan baik mungkin dapat diswastakan kerana kita dapati bilik air di Parlimen ini tidaklah sebersih dan juga tidaklah sampai ke tahap yang kita kehendaki.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini ada menegur soal kebersihan. Saya kira soal kebersihan ini perlu kita mulakan daripada Bangunan Parlimen di mana kita sebagai badan yang membuat undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang ingin saya sebutkan di sini adalah mengenai menara tinggi yang ada di hadapan sana di depan Bangunan Parlimen. Sejak tiga tahun saya berada di sini, saya tidak tahu apakah fungsi bangunan menara tinggi yang ada bersama-sama dengan Bangunan Parlimen ini dan ia adalah saya kira sebahagian daripada Bangunan Parlimen dan ia merupakan satu lambang menara yang mana terpapar sama ada di dalam buku-buku, pada wang yang kita gunakan juga terpapar Bangunan Parlimen. Tetapi apakah fungsi menara tersebut? Selama tiga tahun saya di sini saya tidak tahu fungsi bangunan menara yang begitu tersergam indah, mungkin ada beberapa tingkat tetapi apakah kegunaan bangunan menara tersebut?

Saya berharap pihak kerajaan dapat menggunakan kemudahan bangunan itu sama ada kepada Ahli-ahli Parlimen ataupun digunakan untuk kemudahan-kemudahan yang lain, jika tidak seolah-olah kita mengajak rakyat supaya tidak membazir, sedangkan kita juga di sini melakukan satu pembaziran yang amat besar.

Saya tidak tahu, ada rakan saya tadi menyebut bahawa menara itu ada penghuni.

**Seorang Ahli:** Penghuni?

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Penghuni orang halus. *[Ketawa]*

Katanya ada hantu, saya pun tidak tahu adakah ini benar ataupun oleh kerana menara ini ditinggalkan kosong begitu sahaja sehingga tiada siapa yang pergi melawat, melihat dan juga tidak ada satu usaha dibuat untuk kita menggunakan menara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya .....

**Tuan Yim Chee Chong:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong hendak minta laluan?

**Tuan Yim Chee Chong:** Ya. Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan. Adakah Yang Berhormat nampak hantu? Tadi, Yang Berhormat sebut hantu itu, adakah benar setakat ini nampak hantu ataupun percaya akan hantu itu?

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Sepanjang hidup saya, saya tidak pernah nampak hantu dan kalau hendak ditanya dari segi kepercayaan, dalam agama Islam, kita memang percaya ada jin, ada makhluk-makhluk Allah selain daripada manusia. Tetapi jika makhluk halus itu hendak dikategorikan sebagai hantu, saya tidak tahu dan saya pun kurang juga percaya ada hantu yang mungkin menakutkan kita untuk menyebabkan satu halangan kepada kita untuk menggunakan menara tersebut.

Saya cuma mendengar ada rakan, kawan saya di antara Ahli Yang Berhormat yang menyebutkan demikian, itulah sebabnya saya ingin bertanya di sini adakah benar perkara itu. Sebab saya juga tidak pernah melihat ada sesiapa melintas ke bangunan tersebut, mungkin di antara kita juga tidak ingin ke sana atau kerana ada halangan-halangan yang saya sebutkan tadi, tidak berminat untuk ke sana.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya sebutkan tadi, saya amat menyokong dengan Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 1997 ini dan berharap dengan adanya pembentangan dan juga pelaksanaan akta ini akan memantapkan lagi perjalanan Dewan Negara dan juga dengan itu akan dapat meningkatkan lagi usaha kita dalam memberikan pandangan kita supaya perundangan di negara kita ini dapat berjalan sebaik mungkin.

Kita berharap dengan adanya Yang Berhormat Tan Sri Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Datuk Timbalan Yang di-Pertua akan dapat mewujudkan satu kumpulan Ahli-ahli Dewan Negara yang mempunyai kemampuan dan keupayaan yang tinggi. Dengan itu, saya juga mencadangkan kepada pihak Parlimen dan juga kepada pihak Tuan Yang di-Pertua Dewan dan juga Timbalan Yang di-Pertua Dewan supaya dapat menganjurkan majlis-majlis ilmu.

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Dewan kerana pada hari ini beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang hadir pada pagi ini telah dapat hadir ke dalam satu kursus ‘Skill Reading’ yang mana saya kira begitu bermanfaat bagi kita semua. Tetapi malangnya, oleh kerana Ahli-ahli Dewan kita memberi jawapan seramai 30 orang yang hadir, tetapi yang hadir cuma 13 orang, ini agak mengecewakan pihak pengajur.

Kita berharap supaya pihak Dewan mengaturkan majlis-majlis yang sebegini dan kita sebagai Ahli-ahli Dewan juga memberi keutamaan dan priority, dengan izin, kepada program-program yang dianjurkan. Sepanjang saya berada di Parlimen ini, saya kira walaupun kita mempunyai kepakaran dan kebolehan dalam bidang-bidang masing-masing, saya percaya kita perlu menambah ilmu kita dengan itu kita dapat menyumbang dengan lebih baik lagi kepada Dewan yang mulia ini.

Kita juga berharap melalui pemantapan jawatan-jawatan yang ada di dalam Dewan Negara ini akan dapat memberi peluang kepada Ahli-ahli Dewan untuk meluaskan pandangan, pemikiran dan juga menimba ilmu bukan sahaja melalui program-program kursus, seminar dan sebagainya tetapi kita juga perlu mengadakan lawatan ke luar negara. Saya tahu Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong tentu menyokong saya, lawatan ke luar negara ini beberapa kali telah saya kemukakan tetapi saya sedar bahawa ramai di antara rakan-rakan dan juga kawan-kawan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini walaupun berada sekian lama di dalam Dewan ini tetapi tidak berpeluang untuk bersama-sama mengikuti lawatan-lawatan ke luar negara bagi kita mencari dan juga menimba pandangan yang baru untuk kita bawa di dalam persidangan di Parlimen ini.

Sebagaimana Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri yang kita kasih, beliau bercuti melawat ke luar negara dan kembali daripada luar negeri, saya percaya Yang Amat Berhormat Dato' Seri daripada ucapan-ucapan yang telah diberikan, pelbagai cetusan idea yang telah pun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kemukakan dan ini akan membawa pembangunan yang lebih cemerlang lagi bagi negara kita.

Saya kira sebagai Ahli Dewan sama ada Dewan Rakyat dan Dewan Negara, majlis-majlis ilmu ini, peluang-peluang untuk menambah ilmu ini harus diusahakan supaya kita menjadi Ahli Dewan sebuah negara yang boleh kita banggakan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya juga turut menyokong Akta Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 1997. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ding Seling.

#### **4.39 ptg.**

**Tuan Ding Seling:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk turut berserta membahaskan suatu akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan rang undang-undang ini, saya ingin membuat satu cadangan yang kebetulan apabila saya masuk sekembali ke dalam Dewan yang mulia ini tadi, rakan saya di belakang sana, Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah sedang bercakap mengenai perkara ini dan di luar Dewan kita pun telah bercakap juga mengenai perkara itu iaitu mengenai penggunaan Bangunan Parlimen kita.

Nampaknya Bangunan Parlimen kita ini, khususnya yang tinggi di hadapan itu adalah kurang sangat digunakan walaupun saya sendiri, saya ingin memberitahu Tuan Yang di-Pertua dengan beberapa orang rakan apabila saya mula datang untuk menjadi Ahli Dewan Negara ini dahulu pernah juga menggunakan kawasan yang dikatakan ada perkara lain di situ, tetapi kita tidak nampak, yang dikatakan ‘hantu’ oleh saudara saya tadi. Kita tidak nampak perkara itu walaupun tempat itu memanglah kurang digunakan, memang sunyi, senyap dan tempatnya kurang begitu baik kerana memang tidak ada orang.

Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan di sini ialah bagaimanakah boleh kerajaan fikirkan semula supaya kita boleh menggunakannya dengan sepenuh-penuhnya, nampaknya kawasan kita di sini adalah underutilized, dengan izin.

Saya bercakap begini kerana baru pada bulan Jun dahulu saya telah begitu bernasib baik berpeluang untuk bersama-sama dengan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob untuk melawat pergi ke Australia dan di situ kita telah berpeluang untuk pergi ke beberapa Parlimen termasuklah National Parliament di Canberra dan di Canberra misalnya kita telah ditunjuk beberapa tempat kawasan pejabat, bukan sahaja pejabat pihak government ataupun yang menjadi government Kerajaan Australia pada masa kini tetapi mereka juga mempunyai ruang untuk mereka yang di sebelah pembangkang juga di kawasan Parlimen sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita membandingkan fasiliti yang ada pada mereka, mereka ada komputer, ada staf dan kawasan ruang pejabat yang begitu elok, maka kita melihat cara mereka membukukan maklumat untuk membahaskan rang undang-undang ataupun untuk mengemaskinikan mereka dari segi pengetahuan semasa, bukan sahaja bagi negeri mereka malah seluruh dunia mungkin, mereka nampaknya boleh melengkapkan mereka sendiri dengan maklumat itu melalui Internet dan sebagainya.

Walaupun saya tahu di sini di Malaysia mungkin ada juga di antara kita Ahli Dewan Negara dan juga Ahli Parlimen yang mungkin tidak begitu fasih ataupun kurang lengkap dari segi pengetahuan menggunakan komputer, ini termasuk saya sendiri walaupun pernah dahulu beberapa kali mengikuti kursus tetapi hanya setakat boleh guna sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, kalaularah kerajaan boleh memikirkan bagaimana caranya pertama kali kita menggunakan ruang yang ada pada kita dan

keduanya, untuk membekalkan tempat ruang itu untuk melengkapkan pejabat-pejabat untuk Ahli-ahli Parlimen dalam kawasan Dewan Parlimen ini, saya rasa, Tuan Yang di-Pertua tahap perkhidmatan kita mungkin meningkat lagi dan juga saya ingat rasa kita hendak memberi khidmat dalam kedua-dua Dewan Parlimen yang mulia ini, mungkin juga dengan begitu tinggi, walaupun sebahagian daripada kita tidak berpeluang untuk melakukan tugas itu, mungkin ini akan mengambil masa kerana untuk mengubahsuai keadaan yang ada sekarang ini memang mengambil masa.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, dalam membahaskan rang undang-undang ini saya ingin mengemukakan cadangan ini kalau tidak dalam kawasan ini mungkin dalam bandar raya baru yang sedang pun dirancangkan iaitu Putra Jaya mungkin dalam beberapa tahun yang akan datang kita akan mengadakan satu kawasan Bangunan Parlimen yang begitu lengkap, yang begitu kemaskini supaya Ahli-ahli Parlimen kita adalah orang-orang yang bukan sahaja sebagai Ahli Parlimen tetapi juga opinion leader, dengan izin, yang tahu tentang hal ehwal dunia ataupun yang tahu tentang apa yang terkini dalam dunia ini, supaya kita janganlah hanya mengikut dan juga ter‘influence’ dengan izin, dengan ‘opinion from overseas’ sahaja, sekiranya kita tahu maka bolehlah kita membuat keputusan sendiri dan oleh kerana Parlimen kita adalah orang kita, pemimpin kita yang membuat keputusan dari segi undang-undang dan sebagainya, maka saya rasa elok sekalilah pihak kerajaan untuk memikirkan bagaimana caranya mereka boleh melengkapkan Ahli-ahli Parlimen bukan sahaja di peringkat negara, saya rasa kalau boleh dibuat juga di peringkat negeri, setiap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) boleh juga diberi tempat yang lengkap, yang mempunyai pejabat komputer pegawai-pegawaiannya supaya mereka boleh melengkapkan diri mereka sendiri selengkap-lengkapnya untuk memberi khidmat yang begitu baik, yang begitu bermutu bagi negara kita yang sedang membangun ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat kalau dalam tahun yang akan datang, dalam abad yang akan datang, kalaularah kita biarkan Ahli-ahli Dewan Negara, Dewan Undangan Negeri dan juga Ahli Dewan Rakyat kita seperti sekarang, saya rasa ada kemungkinan Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri kita itu adalah lebih kurang seperti orang-orang biasa dalam negara kita ini, hanya mempunyai jawatan ataupun status yang

diberi gelaran sebagai Ahli Yang Berhormat tetapi tidak mempunyai kebolehan ataupun pengetahuan yang melebihi sedikit untuk membolehkan mereka untuk menjadi leaders, dengan izin, yang sepatutnya memimpin negara kita ini bersama-sama dengan pihak administration.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya ingin bertanya sedikit secara spesifik mengenai rang undang-undang iaitu dalam implikasi kewangan - ditulis di situ ada RM24,000, adakah ini satu kesilapan, kalau tiga saya ingat ini haruslah RM36,000.

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sekali lagi menyatakan sokongan saya kepada rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal.

#### **4.46 ptg.**

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Dato', kerana telah pun dilantik sebagai Timbalan Yang di-Pertua kerana Dewan ini telah tidak mempunyai Timbalan Yang di-Pertua sekian lama. Dengan adanya Dato' dilantik di dalam Dewan yang mulia ini, saya rasa dapat membantu kami untuk menjalankan serta dapat kami memenuhi masa menumpukan perhatian kepada perbahasan tiap-tiap rang undang-undang dan begitu juga tentang gaji, Dato'!

Kita faham bahawa Dewan ini merupakan Dewan tertinggi akan tetapi kadangkala rakan-rakan dalam Dewan ini merintih dengan rasa agak sedih sedikit kerana terdapat tempoh masa membahaskan rang undang-undang ini amat singkat.

Sebagai contoh, katakanlah Dewan Rakyat memakan masa satu bulan setengah sedangkan Dewan Negara hanya diberi sembilan hari, itu pun ditambah satu hari daripada lapan hari menjadi sembilan hari. Bermakna yang diperuntukkan cuma lapan hari. Kalau dengan sembilan hari ini kita terpaksa membahaskan 30, saya rasa 30 lebihlah rang undang-undang yang harus diperbahaskan pada hal hari ini hari yang ketiga, kita sudah pun berjalan sudah hampir lima hari, cuma yang ada lagi empat hari. Bagaimanakah kita mengatasi masalah-masalah ini untuk meluluskan yang baki itu sedangkan tempoh masa kita hanya ada empat hari? Di sinilah letaknya perbezaan-perbezaan yang harus diambil kira, yang harus diberi ruang pernafasan untuk Ahli-ahli Dewan Negara ini untuk mengambil masa untuk membahaskan tiap-tiap rang undang-undang dengan secukup-cukupnya kerana saya teringat pada tahun sudah, apabila membahaskan Belanjawan saya tidak dapat mengambil bahagian. Saya rasa pada masa itu tidak kurang daripada empat atau lima orang yang tidak merasa peluang langsung kerana kita terpaksa memberi ruang kepada kawan-kawan yang ada. Kawan-kawan yang ada mempunyai idea dan pemikiran yang begitu banyak,

yang bernes, yang difikirkan agak logik diketengahkan. Jadi, katakanlah setiap seorang rakan dalam Dewan yang mulia ini berucap setengah jam dan kalau 60 orang, makan berapa hari?

Jadi, saya rasakan bagi pihak kerajaan bagi menimbaangkan semula tempoh-tempoh perbahasan ini, tempoh-tempoh rang undang-undang ini, kalau katakan Dewan Rakyat dapat satu bulan setengah, berilah Dewan Negara ini separuh daripada tempoh-tempoh itu. Membolehkan Ahli-ahli Dewan Negara memberikan sumbangan yang bermanfaat ke dalam perbahasan kerana kalau kita lihat daripada kertas rang undang-undang yang dilampirkan bersama-sama ini, kadangkala ia hampir tiga minggu baru sampai ke Dewan Negara ini. Katakan lulusnya tiga minggu dahulu, apa salah selepas sahaja dua minggu Dewan Rakyat bersidang dimulakan dengan Dewan Negara agar masa itu tidak begitu suntuk.

Saya masih ingat pada tahun mula-mula saya dilantik sebagai seorang Senator, saya ingat mesyuarat yang terakhir hari itu adalah pada 31 Disember. Sebelum pukul 12.00 malam itu kita terpaksa luluskan rang undang-undang itu. Saya ingat kita pun balik jam 2.00 pagi baru saya sampai ke rumah kerana kita terpaksa menghabiskan masa pada hari itu juga kerana apabila kita beralih ke 11.59 minit, masuk sahaja bermakna sudah pukul 12.00 - rang undang-undang itu terpaksa ditangguhan kerana kita sudah memakan tahun lain. Jadi, hal demikian, saya rasa, kita harus mengambil kira tempoh-tempoh demikian. Jangan terlalu suntuk kita memikirkan.

Saya memanglah menyokong rang undang-undang sedemikian fasal banyak yang baik terutama elaun-elaun keraian daripada RM350 naik ke RM800 - Alhamdulillah kerana wakil-wakil rakyat, Ahli-ahli Dewan ini banyak yang selalu kenduri. Begitu juga jamuan-jamuan malam dan sebagainya. Begitu juga di sini elaun pemandu, kebanyakannya pemandu Yang Berhormat ini saya rasa di sekitar RM800, jadi dengan adanya RM500 ini sangat sedikitlah, dulu cuma RM300 tambah RM500, jadi Alhamdulillah kita cuma tokok sedikit tetapi itu pun elaun perjalanan dia, elaun semalam dia kena bayar juga oleh Ahli-ahli Yang Berhormat secara sendirilah. Banyak lagi yang bermanfaat, dulu pinjaman kereta RM24,000 hendak beli Perodua pun tidak dapat, tanya sana sedangkan kereta Datsun second-hand pun RM30,000 bawa peruntukan kita cuma RM24,000 - hendak beli kereta apa? Tertanya-tanya, takkan Ahli Yang Berhormat pakai Morris Minor tahun 1948 - kenalah canggih-canggih sedikit dan apabila canggih sedikit takkan cukup RM24,000 tetapi Tuan Yang di-Pertua, ini sudah ada RM43,000 ini Alhamdulillah, cukuplah itu. Saya rasa kalau tidak cukup pun tambah-tambahlah sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kancil bolehlah. *[Ketawa]*

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Kancil bolehlah! Ini Kancil sudah tentu bolehlah ini. Ini saya ingat Wira pun bolehlah ini RM43,000 ini dan begitu juga pinjaman perumahan daripada RM72,000 naik RM120,000. Kalau hendak tengok-tengok kondominiumkah mana-mana bolehlah, kalau dahulu rumah teres pun tidak berapa boleh dapat, rumah teres di Kuala Lumpur ini mahal. Bolehlah kalau hendak tengok-tengok, mana-mana Ahli Yang Berhormat hendak buat rumah keduakah bolehlah! Insya-Allah!

Jadi, itu perkara tempoh meeting dan juga elaun-elaun. Saya menyokong tempoh-tempoh yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Rahim Baba tadi mengenai tempoh. Kadangkala, Dewan Negeri luluskan tiga tahun - hantar surat, dia kata lantikan ini berkuatkuasa selama tempoh tiga tahun daripada mula tarikh ini, apabila sampai sahaja ke Parlimen ini, tidak boleh, kena sambung! Ikut surat itu. Kena sambung. Jadi masalahnya, kalau menyambung itu setahun lebih tidak apa. Ada Ahli Dewan ini yang menyambung lapan bulan sahaja, masuk sahaja yang kedua kali hendak mesyuarat - habis, berhenti! Macam saya baru-baru ini rehat empat bulan, kena rehat dahulu - duduk, tidak boleh datang Dewan, tidak apa, kita akur. Tetapi, bagaimana kalau tempohnya dua bulan? Kalau dia angkat sumpah dalam Kamar Tuan Yang di-Pertua, baru sahaja hendak masuk Dewan dia sudah habis tempoh, apa jadi? Jadi, saya rasa saya menyokong apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Datuk Rahim Baba tadi supaya tempoh ini digenapkan. Tidak ada mengganti-ganti kerana yang mengganti - kita datang dengan nama kita sendiri, dilantik atas nama kita - dilantik atas sianu bin sianu bukannya kita menyambung, kita dilantik. Jadi, saya harapkan supaya kita memikirkan perkara ini dengan lebih serius. Kalau katakan takdirnya Ahli Yang Berhormat itu katakan tidak cukup tahun lagi dua hari - meninggal, adakah yang mengganti itu hendak dua hari juga?

Kita lihat pula Perlembagaan. Perlembagaan Negara mentakrifkan bahawa tempoh lantikan Ahli Yang Berhormat Senator ini adalah dua penggal. Tiap-tiap satu penggal tiga tahun, maknanya enam tahun. Dipersoalkan di situ bagaimanakah lantikan dia itu mula setahun setengah lepas itu tambah lagi tiga tahun, maknanya empat setengah tahun, dia masih belum cukup tempoh sebagai dua penggal. Itukah takrif tempoh? Di situ kita kena lihat juga masalah-masalah yang akan timbul.

Begitu juga kalau hendak ditegur sedikit sebanyak mengenai kekurangan Dewan ini sampai bila pun kita tidak habis terutamanya saya tengok ruang tempat Ahli-ahli Yang Berhormat Senator berehat dengan tempat Ahli-ahli Parlimen Dewan Rakyat berehat. Di sana ada Internet, di sini dahulu pinjamkan sekejap, sekarang Internet pun tidak ada. Duduk sahaja, kami kalau hendak tengok atau cuba Internet kena pergi ke ruang tempat berehat Ahli Dewan Rakyat, jadi Ahli Dewan Rakyat pun tengok jeling-jeling kita, itu tidak seronok juga, Tuan Yang di-Pertua. Apa salahnya kalau di sana pun ada, di sini pun ada. Bukanlah mahal sangat, saya rasa tidaklah begitu melibatkan perbelanjaan yang amat tinggi. Kalau hendak disebut sampai besok pagi pun tidak habis. Orang lain pun hendak bangun juga membahaskan rang undang-undang. Banyak lagi rang undang-undang yang kita akan bahaskan.

Jadi, dengan itu saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Kamilia.

**4.56 ptg.**

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahaskan rang undang-undang yang telah dikemukakan.

Saya hanya ada tiga perkara yang ingin saya kemukakan. Yang pertamanya, sebelum saya membahaskan dan memperkatakan tentang rang undang-undang, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah begitu prihatin memberi pertimbangan dan seterusnya menaikkan elaun kepada Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Pastinya ini juga ada besar kaitan dengan kemampuan negara dalam mengekalkan kestabilan sistem kewangan negara yang kalau kita lihat pada hari ini, walaupun ada krisis kewangan, negara kita hanya turun nilai sebanyak 5% jika dibandingkan dengan Baht Thailand sebanyak 28.4% dan Peso di Filipina sebanyak 13.8%. Kita ucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapat lihat bahawa Ahli Parlimen yang menjalankan tanggungjawab sewajarnya diberi saran dan saran ini adalah untuk khidmat yang diberi. Khidmat yang berlandaskan tugas dan tanggungjawab. Walau bagaimanapun, kita tidak hanya melihat kepada Ahli Parlimen yang ada kini, kita juga perlu memastikan bahawa mereka yang dahulunya juga merupakan Ahli Parlimen perlu juga mendapat saran yang sewajarnya daripada pihak kerajaan. Saya mengemukakan perkara ini kerana ada terdapat kumpulan Ahli-ahli Parlimen yang juga boleh ditakrifkan sebagai Ahli Parlimen yang telah tidak mendapat saran pencen yang sepatutnya. Kumpulan ini ialah Kumpulan Majlis Undangan Persekutuan Tanah Melayu penggal 1955 hingga 1959 iaitu dalam bahasa Inggeris, dengan izin, Member For Schedule Interest Strait Union - ini untuk ahli yang tertentu - in the Federal Legislative Council.

Mengikut tafsiran Seksyen 2 Akta Saraan Ahli Parlimen 1980, Ahli Federal Legislative Council, dengan izin, tersebut adalah berhak untuk mendapat saran pencen. Walau bagaimanapun, status mereka ini telah tidak diberi pengiktirafan dan telah dinafikan hak saranan pencen.

Saya ingin mencadangkan bahawa pihak kerajaan mengkaji semula peruntukan-peruntukan yang telah ditetapkan mengenai ahli Federal Legislative Council ini untuk memastikan yang mereka mendapat saran yang sepatutnya. Mengikut peruntukan-peruntukan undang-undang yang ada, adalah jelas menunjukkan bahawa ahli Majlis Perundangan Persekutuan ini mengikut seksyen-seksyen, saya bacakanlah sebab ianya merupakan spesifik dan telah dibuat kajian, seksyen 2(4) dan seksyen 4(2), Jadual Pertama, Akta 237 dan dibaca dengan seksyen 16, Jadual Pertama, dengan izin, "Members of the Administration and the Legislative Assembly (Remuneration) Enactment 198, State of Perak Enactment No. 5 of 1980", ahli Majlis tersebut berhak mendapat gratuity dan gratuity ini perlulah dibayar kepada mereka. Walaupun ini dibaca dalam konteks state tetapi ia sebenarnya perlu dibaca juga dalam konteks Perlembagaan negara. Pada hemat saya adalah menjadi satu perkara yang tidak adil jika lau tuntutan yang dibuat oleh ahli-ahli yang pernah berkhidmat sebagai Ahli-ahli Parlimen dalam konteks dahulu dan juga sekarang, perlulah diberikan ganjaran ataupun saranan ataupun gratuity yang sewajarnya diberi kepada mereka.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai fungsi Ahli Parlimen. Dalam ucapan saya dahulu yang telah menyentuh juga Akta Parlimen, saya telah banyak memperkatakan tentang tugas dan tanggungjawab Ahli Parlimen. Tetapi pada hari ini saya hanya ingin mengingatkan tentang Ahli Parlimen yang merupakan anggota

kerajaan, kerana adakalanya kita memang perlu ingat-mengingati antara satu sama lain. Pada hemat saya juga adalah penting untuk kita melihat kepada sebenarnya tanggungjawab bersama kita dalam menjalankan amanah rakyat kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memetik daripada buku Wait and Broadly yang telah membincang tentang The Constitution and Constitutional Law yang salah satu daripadanya saya rasa perlu saya berikan perhatian ialah apa yang telah dikatakan di dalam buku tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membaca satu perenggan dalam bahasa Inggeris apa yang telah diperuntukkan dalam buku tersebut:

*"There is no more valuable safeguard against small administration. No more effective method of bringing the search like of criticism to bear on the action or in action of responsible ministers and their subordinate. A minister has to be constantly asking himself not merely whether his proceedings and proceedings of those for whom he is responsible are legally or technically defensible but what kind of answer he can give if questioned about them in the House and how that answer will be received."*

Tuan Yang di-Pertua, memanglah menjadi amalan kita di Dewan, kita mempunyai satu jam untuk mengadakan soal jawab. Jadi, perkara ini saya anggap adalah sangat penting kerana banyaknya soalan yang diberi dan juga jawapan yang diberi. Saya ingin memberi penekanan kepada apa yang disebut, '*what kind of answer he can give and how that answer will be received*'. Pada keseluruhannya jawapan-jawapan yang telah diberi memanglah sangat memuaskan, tetapi adakalanya juga didapati jawapan-jawapan yang kurang dapat diterima dan perlu dipertingkatkan.

Jadi, adalah menjadi saranan kita dan juga merupakan tanggungjawab kita untuk memastikan bahawa soalan yang disoal dan jawapan yang diberi perlulah mencapai matlamat soalan yang dibawa, kerana saya pasti rakan-rakan di Dewan sama ada di Dewan Negara ataupun di Dewan Rakyat telah mengemukakan soalan-soalan bukannya kerana soalan-soalan itu merupakan soalan-soalan yang menarik atau mencuit hati tetapi soalan-soalan yang serius yang menyentuh dasar kerajaan, yang menyentuh perkara-perkara semasa yang perlu dipertimbangkan dan perlu juga diberi perhatian oleh semua pihak, bukan sahaja oleh kerajaan tetapi juga oleh ahli-ahli Dewan.

Justeru itu, saya ingin mengingatkan bahawa peranan, tugas dan fungsi Ahli-ahli Parlimen sama ada dalam kerajaan ataupun mereka yang di sebelah yang menyoal adalah sangat penting dan apa pun yang kita buat adalah merupakan satu kawalan pihak eksekutif mengkritik yang membina dan mengawasi pentadbiran dan seterusnya mempengaruhi polisi-polisi kerajaan demi kebijakan rakyat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyokong tentang apa yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Senator Datuk Rahim Baba dan juga Senator Mustaffa Kamal mengenai tempoh perlantikan Ahli Parlimen. Adalah

dicadangkan bahawa kaji semula peruntukan Perlembagaan yang ada dibuat terutamanya peruntukan yang mengatakan bahawa tempoh di mana seseorang Senator itu dilantik walaupun tempoh itu tidak genap tiga tahun, dikatakan sebagai satu penggal, adalah dicadangkan tempoh tersebut dikatakan walaupun satu penggal tetapi tidak memenuhi tiga tahun, tetapi hendaklah dianggap bagi kiraan saraan-saraan bagi Ahli Dewan Negara yang berkenaan hendaklah dikira sepetimana saraan-saraan yang akan diberi kepada Ahli Dewan Negara yang dilantik dalam tempoh yang sepenuhnya, iaitu kalau untuk satu penggal, penuh genap tiga tahun dan kalau dua penggal, genap enam tahun.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang prosedur di dalam Dewan, walaupun tadi saya ada menyebut tentang soal jawab dan tugas. Tetapi saya ingin menyentuh tentang masa soalan di mana kita semua dapati bahawa dalam satu jam sebelum Dewan bersidang untuk membahaskan rang undang-undang ataupun mungkin mengemukakan usul ataupun ucapan penangguhan, soalan-soalan dikemukakan untuk jawapan. Saya ingin mencadangkan untuk meningkatkan profesionalisme di dalam Dewan untuk sesi soal jawab dan seterusnya dapat memberi fokus kepada soalan-soalan yang dikemukakan, kita mengkhususkan soalan-soalan bagi satu sesi satu hari itu mungkin untuk dua atau tiga kementerian, bergantung kepada soalan-soalan yang diberi, supaya mungkin satu atau dua kementerian khususnya untuk dapat kita memberi soalan dan juga kementerian yang memberi jawapan dapat memberi jawapan yang lebih terperinci. Ini saya dapati juga satu cara yang membolehkan kita menumpukan masalah-masalah atau isu-isu yang dikemukakan dari satu-satu kementerian itu dengan lebih terperinci. Amalan yang begini dilakukan di House of Commons di England dan saya dapati ianya dapat memberi manfaat yang baik untuk kita lebih mengetahui apa yang sedang berlaku. Contohnya isu kesihatan, dapatlah kita benar-benar menanya dan seterusnya benar-benar mengetahui dengan kerana soalan-soalan itu akan ditumpukan dan disatukan dalam satu sesi.

Yang keduanya, ialah perkara untuk mewujudkan komiti-komitibagi perkara-perkara yang tertentu. Kita telah banyak memperkatakan hal ini tetapi masih lagi tidak dapat dilaksanakan dan ini juga satu lagi cadangan yang saya sering dengar bukan sahaja di Dewan ini tetapi juga di Dewan Rakyat yang Ahli-ahli Parlimen memohon untuk mendapatkan pembantu penyelidik untuk membantu Ahli-ahli Parlimen dalam kajian dan penyelidikan bahan-bahan untuk Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang keadaan fizikal Parlimen sepetimana juga telah disentuh oleh rakan-rakan terdahulu daripada saya. Pertamanya, ialah tentang kebersihan. Saya haraplah sepetimana juga rakan-rakan lain bahawa kebersihan dapat dipertingkatkan, kalaupun bukan di bilik air, di kawasan-kawasan luar juga dapat disapu sampah-sampah, daun-daun dan sebagainya. Mungkin perkara ini kecil tetapi saya rasa sudah lama sangat kita perhatikan dan tidak dilaksanakan.

Saya juga ingin menyarankan bilik-bilik jawatankuasa di dalam Parlimen ini diberi nama mengikut nama-nama Perdana Menteri kita yang telah lalu. Contohnya, Bilik Jawatankuasa 1 mungkin disebut sebagai Bilik Tunku Abdul Rahman ataupun Bilik Jawatankuasa 2 sebagai Bilik Tun Abdul Razak, supaya ianya dapat mengingatkan kita kepada pemimpin-pemimpin dan memberi lebih makna kepada sumbangan mereka. Ini juga mungkin kita lihat di Parlimen-Parlimen negara lain, saya lihat juga di Westminster, mereka menamakan segala bilik-biliknya mengikut Perdana Menteri yang terkenal di sana.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, ialah tentang sekuriti Parlimen yang kita harap juga dapat terus dipertingkatkan walaupun pada masa ini kita dapati sekuritinya baik, tetapi kita perlulah beringat-ingat bahawa sekuriti kalaupun tidak dipertingkatkan lagi, mungkin perlu dipertingkatkan kepada tahap sekuriti yang lebih canggih mengikut keadaan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang yang telah dikemukakan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat silalah jawab.

#### **5.12 ptg.**

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh seramai enam orang Ahli-ahli Yang Berhormat membahaskan rang undang-undang yang telah saya bentangkan. Mereka ialah Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong, Yang Berhormat Datuk Rahim bin Baba, Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin, Yang Berhormat Tuan Ding Seling, Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi dan Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim. Saya ucapkan terima kasih kerana keprihatinan Yang Berhormat sekalian telah mengemukakan beberapa pandangan dari banyak segi perkara yang dibangkitkan. Pada hakikatnya saya dapati tidak ada apa-apa halangan tentang persetujuan Yang Berhormat sekalian mengenai pindaan ini untuk menaikkan elauan khas kepada Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Dewan Negara, jadi ini saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong ada menyebutkan beberapa perkara yang berkaitan dengan Parlimen. Di antaranya, mengenai dengan Ahli-ahli Parlimen, mengenai dengan peruntukan Ahli-ahli Parlimen, mengenai dengan pengecualian cukai import AP, kemudian mengenai dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan elauan harian menghadiri mesyuarat.

Mengenai dengan elauan harian mesyuarat yang telah dituntut dahulu, saya akan pastikan bahawa supaya baki tuntutan yang belum dibayar itu boleh dilaksanakan. Saya dapati mengikut undang-undangnya, memang boleh. Hanya Ahli Yang Berhormat membuat tuntutan, mengatakan pembayaran dia sudah dapat sekian. Tuntutan itu adalah tuntutan yang sama, tetapi nyatakan yang sudah dapat sekian, baki yang belum dapat sekian, sebab benda ini kebelakang, tetapi saya kira begitulah. Saya akan cuba supaya benda ini betul-betul diteliti apa sebab dia tidak boleh dapat sedangkan tarikh itu kebelakangan. Jadi, saya pasti berbincang bagaimana sepatutnya pembayaran itu boleh dibuat ataupun tidak, insya-Allah, saya akan cuba.

Mengenai dengan cukai import AP ini, ini adalah di bawah kuatkuasa undang-undang, perkara ini akan dibincang dengan kementerian yang berkenaan. Tetapi inginlah saya menyatakan bahawa kadangkala kita ini kalau

pinjaman kereta kita boleh dapat RM40,000, kadangkala Yang Berhormat ini tidak pakai kereta berharga RM40,000. Saya nampak kereta bagus-bagus belaka. Jadi, hanya mungkin itu sebagai membantu. Begitu juga AP ini, memanglah sesiapa pun mampu hendak beli tetapi cukai import ini tinggi, kadang-kadang dia tergendala, tak hendak beli, sebab cukai ini terlalu tinggi.

Jadi, perkara ini kementerian yang berkenaan kita cuba bincang juga bagaimana bagi menyelesaiannya. Kalau sekiranya kata tidak boleh, kita tidak tahu lah bagaimana lagi kita berjumpa cara terus-menerus dengan mereka, saya ingat lebih baik supaya kita boleh mendapat jawapan yang lebih pasti daripada mereka.

Selain daripada itu, mengenai peruntukan RM100,000 kita beri satu penggal, selama 3 tahun RM100,000 memanglah kita ada peruntukan khas mengenai ini, kita boleh pertimbangkan dari masa ke semasa. Saya percaya kalau sekiranya benda ini kita boleh fikirkan, pihak kerajaan juga boleh menimbangkan bagaimana sepatutnya diberi sama ada diberi tambahan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator ini mengenai peruntukan kecil dari masa ke semasa. Ini juga perlu kita ambil perhatian dan pertimbangkan. Saya berterima kasihlah kepada Yang Berhormat, saya menghabarkan apa yang kita cakap dahulu boleh dikatakan semua kebanyakannya kerajaan sudah mengambil tindakan.

Jadi, memang kerajaan prihatin kepada perkhidmatan Yang Berhormat yang diberikan selama ini. Jadi, jangan risau lah kalau sekiranya keadaan ekonomi kita baik mengizinkan, memang dipertimbangkan dari masa ke semasa mengikut kemampuan kerajaan. Tetapi yang penting kita bekerjalah bersungguh-sungguh, sama ada imbuhan itu akan dapat ataupun tidak sebab kita berkhidmat kepada bangsa, agama dan negara, bukanlah tergantung sangat banyak kepada imbuhan.

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada Yang Berhormat muh minta jalan.

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengenai peruntukan kecil kepada senator, di mana peruntukan kecil ini baru sahaja dilulus pada tahun lepas. Semasa itu saya masuk menyambung penggal yang tertinggal baki daripada Yang Berhormat Dato' Mustafa Mohamed bila jadi Ahli Parlimen, jadi tidak sempat hendak belanja, dan RM100,000 dalam penggal yang pendek. Apakah saya boleh ataupun berhak untuk belanja RM100,000 itu dalam penggal ini bersama? Mohon penjelasan.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, itu sudah lepas, ia tidak boleh bercampur dengan sekarang. *[Ketawa]* Saya kira kita belanja dapat yang barulah. Sebab itu dikira sudah lepas dengan Yang Berhormat yang lepas, kecuali kalau kita belanja dalam masa tahun itu, kita boleh gunakan. Jadi, yang lain kita minta cara lain sebab kita boleh berhubung dengan pihak kementerian dan pihak yang berkenaan, ICU, ceritalah sebenarnya, mungkin yang kita mohon itu secara tidak direct, kalau dia tidak dapat seolah-olah mengganti, sekurang-

kurangnya adalah di antara kita berbincang itu kita boleh memikirkan semula supaya diberi permohonan kepada Yang Berhormat yang berkenaan.

**Tuan Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, saya cuma barangkali ingin beri pandangan, kalau pun tidak boleh saya buat cadangan. Kes ini lebih kurang dengan Yang Berhormat Datuk Hashim iaitu tertinggal, sebab saya juga turut menyambung sisa masa Yang Berhormat Tuan Laimun Laikim 7 bulan. Kalau sudah lepas apa boleh buat. Cuma apa yang masalahnya bila RM100,000 ini telah dihantar dan sampai di Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Sabah (JPPS), ianya disalurkan kepada pegawai daerah di tempat saya Keningau. Masalahnya, bila sampai kepada pegawai daerah ini, tanpa dia inform saya, tanpa saya diberitahu rupa-rupanya segala apa yang saya mohon telah dihantar ke destinasi-destinasi yang memang telah kita tentukan. Sepatutnya sebagai orang yang diamanahkan, yang diberikan peruntukan seumpama itu, dia kena beritahu kita. JPPS memang beritahu, cuma lambat sampai kepada kita, kita pun sibuk sana-sini. Tengok-tengok DO kata ‘saya sudah supply’. Dia sudah lantik orang tertentu untuk hantar segala keperluan-keperluan yang memang telah kita cadangkan. Masalahnya, kita pun sudah komited dengan orang-orang kita supaya ianya diberikan kepada penyokong-penyokong kita. Jadi, sekarang saya tidak tahu sehingga hari ini wang tersebut belum selesai. Maknanya, pembayaran belum dibuat sebab saya kata, ‘kalau begini, ini sudah tidak betul.’ Jadi, barangkali untuk masa akan datang saya mohon cadangkan supaya apa-apa juga terutama di dalam peruntukan yang dikhaskan kepada ahli-ahli Dewan Negara ini biarlah atas ihsan daripada ahli-ahli Dewan Negara itu sendiri. Terima kasih.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, sememangnya pihak daerah menjalankan projek kecil ini adalah diluluskan oleh Yang Berhormat. Sama ada kalau wakil rakyat kita melalui pejabat daerah dan kita tulis kepada DO. Saya tidak tahu sama ada senator ini mesti tulis direct kepada ICU, mesti dilulus oleh wakil rakyat. Tetapi pihak daerah akan menulis kepada siapa yang kita hendak lulus. Saya kira nampak perkara ini berlaku kadangkala benda ini masa terlalu suntuk, jadi pihak daerah mesti menyelesaikan dengan secepat mungkin. Mungkin dia tidak sempat hendak beritahu kepada pihak yang berkenaan. Saya harap pada masa akan datang kalau kita cepat meluluskan projek dan kita berbincang dengan pihak daerah, saya percaya cara melaksanakan itu lebih baik daripada masa-masa akan datang. Tentang yang tidak bayar itu, saya tidak pastilah, melainkan kalau beri secara khusus boleh kita semak semula apa yang sebenar telah berlaku, sama ada projek itu telah dibuat tetapi pembayarannya belum selesai, wallahu wa’alam. Jadi, kita kena tengok macam mana kedudukan sebenarnya. Terima kasih, Yang Berhormat.

Saya minta maaf saya hendak meneruskan apa yang hendak dijawab. Lulus sudah tentu lulus. *[Ketawa]* Saya lihat tadi Yang Berhormat Tuan Yim risau macam dia hendak mengambil jawatan Presiden Kelab Senator nampaknya. Sepatutnya Datuk Rahim bin Baba yang bercakap bagi pihak ahli-ahli Senator, tetapi dia yang banyak

bercakap. Tidak tahulah, kalau dia sudah dapat kuasa, itu hak dialah. Mungkin dia boleh jadi pengganti akan datang agaknya, mungkinlah. Jadi, itu biasalah. Maknanya, menjadi wakil siapa-siapa pun boleh.

Mengenai dengan RM24,000 saya sudah menyatakan bahawa RM36,000 sebab semasa bil ini dicetak belum dilantik lagi. Kita tidak masukkan, sebab kita hendak jaga duit itu, kita kata esok memang orang gaduh mengapa pula RM36,000 sedangkan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara belum dilantik. Jadi, semua kita hendak jaga. Sebab itu masa yang dilantik dua orang kita jadikan RM24,000 kemudian itu selepas itu dilantik dengan sendiri kita betulkan sahaja amaun itu jadi RM36,000 kita akan bayar.

Yang Berhormat Datuk Rahim bin Baba juga menyebut perkara itu, saya telah jelaskan. Mengenai tempoh perlantikan ahli Dewan Negara, pertama memanglah kita dipilih oleh ahli Dewan Undangan Negeri. Yang kedua, dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, ini caranya. Tetapi tempohnya memanglah dua penggal, enam tahun. Tetapi ada orang yang dilantik ini mengganti orang yang meninggal dunia ataupun terhenti menjadi senator sebelum tamat tempoh. Ini yang selalu kita pertikaikan. Memang ada dalam Jadual Ketujuh Perlembagaan Persekutuan menyatakan demikian. Benda serupa, kalau wakil rakyat pun begitu juga. Apabila terhenti ataupun meninggal dunia seorang wakil rakyat di kawasan Parlimen tertentu, kita akan membuat pilihan raya, dan dia hanya memegang jawatan itu setakat mana sebelum pilihan raya akan datang. Jadi, kalau ada pilihan raya akan datang dia terpaksa berhenti, sama kalau nama dia naik balik, bertandinglah dia. Kalau namanya tidak naik, habislah dia. Jadi, itu sama.

Tetapi saya tertarik dengan cadangan Yang Berhormat Puan Kamilia, sekurang-kurangnya saraan dia itu hendaklah serupa dengan dia terima saraan oleh ahli-ahli Yang Berhormat yang menamatkan genap tempoh. Ini satu cadangan yang baik. Jadi, walaupun dia sekejap tetapi saraanya mestilah sama dengan orang yang genap tempoh. Itu mungkin perkara itu boleh dipertimbangkan. Tetapi benda ini pun samalah kita akan berfikir untuk meminda benda ini, untuk meminda Perlembagaan ini biasalah dari masa ke semasa. Tetapi pandangan ini terima kasihlah, Yang Berhormat memberikan pandangan yang begitu baik.

Sebab ramai yang bercakap, sebenarnya saya tidak hendak jawab pun tidak mengapa, tetapi saya risau kalau saya tidak jawab tidak sedap nanti, bila keluar nampak muka tidak berapa manis, saya pun risau juga. *[Ketawa]* Jadi, saya jawablah setakat saya mampu. Tak tahulah kalau soalan tambahan banyak sangat.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Yang Berhormat Puan Mastika Junaidah....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya ingat Yang Berhormat Dato' Zuki bangun.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Dia bangun, dia hendak apa agaknya, Tuan Yang di-Pertua.

*[Ketawa]*

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Minta laluan, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Sila, sila. /Ketawa/

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat Yang Berhormat sudah tahulah, bila bangun tentu minta laluan, tetapi kena beritahu pula. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan sedikit. Kalau soalan itu tidak dijawab di sini, tidak beri penjelasan, wakil rakyat di luar nanti masam muka, tidak manis. Adakah menjawab soalan itu sebab suruh kami senyum di luar sahajakah ataupun sebabnya penting menjawab soalan itu? /Ketawa/

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Ketiga-tiga itu termasuk, Tuan Yang di-Pertua. /Ketawa/ Pertama supaya semua Ahli Yang Berhormat dalam ini senyum. Yang kedua supaya maklumat yang saya terima penting dan saya cuba menjawab maklumat ini juga penting, dan yang ketiga, hubungan senyum di dalam Dewan ini biarlah berterusan sampai keluar Dewan. Itulah dia. Jadi, saya rangkum ketiga-tiga itu amat penting. Terima kasih. Saya ingat saya hendak berhenti tetapi banyak lagi ini.

Yang Berhormat Puan Mastika Junaidah membangkit ahli Dewan Negara sebagai rubber stamp. Memang kita selalu bangkitkan perkara ini. Maknanya, pengorbanan ahli senator ini berat, patut ganjarannya lebih, sedangkan ahli korporat mendapat kadangkala lebih besar pendapatan bulanannya setiap bulan. Beliau menyebut juga mengenai kebersihan bangunan Parlimen, bilik air dan sebagainya yang sepatutnya diswastakan.

Saya ingin menjawab mengenai dengan rubber stamp. Kita membuat undang-undang berdasarkan kepada pertamanya ialah pandangan semasa kita mengadakan perbahasan demikian rupa. Jadi, apabila kita hendak buat pindaan akan datang, pandangan yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat baik di Dewan Rakyat mahupun di Dewan Negara ini diambil kira. Jadi, bukannya rubber stamp. Kalau Yang Berhormat tidak percaya perhatikanlah, apa sahaja rang undang-undang baru yang kita kemukakan, banyak di antara pandangan-pandangan yang kita buat semasa ini dimasuk kira daripada rang undang-undang apabila kita kemukakan rang undang-undang akan datang.

Kita memanglah kurang masa, sebab negara kita ini hendak cepat. Setengah negara meluluskan satu rang undang-undang kadangkala selama pemerintahannya beberapa tahun satu rang undang-undang pun tidak lulus, sebab tidak ada sepakatan dalam dewan, tidak boleh buat rang undang-undang. Tetapi kita terlalu banyak rang undang-undang hendak dibuat, hendak diluluskan dan hendak dilaksanakan. Sebab itu kadangkala kita terpaksa kemukakan dengan secepat mungkin sebab kita hendak bertindak dengan cepat. Jadi, apa sahaja yang kita kemukakan di sini oleh Yang Berhormat baik dari Dewan Rakyat atau Dewan Negara memang memberi pandangan yang baik dan diambil kira pada masa-masa hendak buat undang-undang akan datang dan juga semasa kita melaksanakan rang undang-undang tersebut. Jadi, pada saya cukup baik. Apa pula kita tunggu hendak pergi keliling seluruh Malaysia baru satu rang undang-undang hendak lulus. Kita hendak lulus banyak rang undang-undang, masa telah banyak habis, sedangkan kita tidak boleh buat apa-apa. Kerajaan buat sekarang ini cukup baik. Jadi, jangan risualah orang hendak kata itu memanglah, suka mengata kita itu biasalah. Yang penting kita mesti ikhlas, dalam hati kita mesti

ikhlas, kita bekerja bersungguh-sungguh untuk kepentingan negara kita, itu yang penting. Jadi, orang kata itu kita ambil perhatian, kadangkala yang mengata pun tidak sepermata sangat, dia sengaja suka hendak mengata. Jadi, kita biarkanlah, jangan kita mudah tersinggung. Tetapi perkhidmatan Yang Berhormat beri amat baik kepada kita.

Begitu juga pengorbanan, memang pengorbanan ini kita tidak boleh ukur, saya tidak tahuolah pengukuran yang boleh dibuat dengan pengorbanan kerja yang kita buat dengan upah yang kita dapat, memang amat sukar sekali. Tetapi, hakikatnya kerajaan kita telah membuat suatu peraturan, walaupun mungkin kita sebagai Wakil Rakyat di Dewan Negara mungkin upahnya pelbagai dipersoalkan oleh kita, tetapi ahli korporat juga mereka memikirkan untuk memajukan negara tetapi dia juga membayar cukai, juga digunakan wang itu untuk negara. Jadi, perseimbangan ini yang harus kita fikirkan.

Selain dari itu, Ahli Yang Berhormat yang tidak memegang jawatan bebas untuk bernesiga, saya percaya kalau sekiranya Yang Berhormat hendak kira dapat elaun ini hendak anu, tidak! Tidak boleh jalan! Saya kenal satu-satu, saya boleh sebut harta setiap orang yang ada. Saya tidak hendak sebutkan di sini. *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** *[Mengangkat tangan]*

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Ha! Ada yang mengangkat tangan. Saya ada maklumat di sini, tetapi saya tidak hendak sebut, tetapi hakikatnya kalau setakat elaun ini bukanlah menjadi ukuran, tetapi yang saya nyatakan tadi ialah kepentingan mereka untuk bercakap di sini memberi pandangan demi kepentingan rakyat dan untuk kemajuan negara, ini dia. Saya cukup gembira dengan keadaan itu, tetapi sengajalah Ahli Yang Berhormat kadangkala hendak bercakap jugalah, tetapi hakikatnya elaun itu mereka cukup puas hati, kalau kerajaan tambah pun puas hati, tidak tambah pun tak apa. *[Ketawa]* Ha itu dia, hakikatnya. Tak adalah nampaknya ‘mongok’ sangat - tak ada! Nampak masing-masing semua bergaya, sebenarnya bergaya belaka.

Jadi, Alhamdulillah di atas sikap ini. Ini sebagai pandangan itu kita terimalah, tetapi hakikatnya kalau hendak dibandingkan dengan apa yang kita beri memang tidak setimpal dengan perkhidmatan yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat sekalian.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kerana memberi laluan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berpendapat bahawa Dewan Negara ini tidak payah difikirkan soal kebijakan, Dewan Rakyat sahaja perlu dipertimbangkan, adakah kerajaan hendak mengamalkan ‘double standard’?

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Saya sudah jawab, bezanya tidak banyak. Kalau RM4,800, bezanya hanya RM1,000 sahaja dengan Dewan Rakyat, yang lain serupa dengan Ahli Dewan Rakyat. Saya malaslah hendak khabar tanggungjawab, saya hanya menganggapkan tanggungjawab adalah mungkin sama. Saya tidak hendak memperkecilkkan tanggungjawab Dewan Rakyat dengan Dewan Negara, sebab ada yang berpengalaman bekerja di Dewan Rakyat dahulu dengan Dewan Negara sekarang, mungkin boleh fikir sendiri, tetapi saya tidak suka hendak menyebutkan yang itu. Tetapi perbezaannya tidak banyak, sebab kalau kita minta apa-apa elaun sama, tidak ada kita bezakan, hanyalah elaun asas, ha itu yang ada sedikit perbezaan, itu terpulanglah kepada pihak kerajaan, kalau sekiranya hendak difikirkan sama, hendak beri sama, terpulanglah kepada kerajaan, mungkin boleh difikirkan. Tetapi hakikatnya tidak banyak sangat perbezaannya, serupa, elaun mesyuarat pun serupa, elaun telefon pun serupa, elaun pemandu pun serupa kepada Wakil Rakyat.

Jadi, saya kira amat baiklah apa yang kita putuskan itu, tidak ada diskriminasi, tidak ada kita hendak membeza-bezakan, tidak ada! Kalau ada perbezaan sedikit itu

biasalah, kalau dalam jawatan kerajaan pun begitu juga, mungkin jawatannya ada lebih teruk bekerja dengan jawatan yang lain tetapi kadangkala upah bagi satu-satu jawatan itu lebih tinggi daripada orang yang bekerja lebih teruk di jawatan yang lain. Jadi, adalah sedikit perbezaan yang sedemikian rupa. Terima kasih Yang Berhormat.

Selain daripada itu mengenai dengan menara Bangunan Parlimen yang berhantu, dia ada jin. *[Ketawa]* Tetapi, kita ini orang kampung sudah biasa sebut ‘hantu’. Makhluk jin ini memang ada; ‘*Aljin nu wal ins*’ ertinya jin dan manusia. Memang ada, dia boleh merupa, dia nampak kita, kita tidak nampak dia, jin ini ada banyak jenis, ada jin afrit, *[Ketawa]* jin yang jahat, jin yang baik, jin yang Islam itu mungkin jin yang baik, tetapi orang kata sebaik-baik jin, yang paling baiklah sama dengan sejahterahan manusia. Bermakna jin ini kalau ke mana pun dia jahat juga. Ha, itu lebih kurang, sebab sebaik-baik jin itu sama dengan sejahterahan manusia. Jadi, kalau baik manusia itu memang lebih jauhlah kita meninggalkan jin. Ha ini, sebab itu kita kena tahu ilmu jin, kalau hendak belajar dengan saya boleh. *[Ketawa]* Macam mana hendak memanggil jin dan meminta tolong dan sebagainya. Sebab itulah lampu aladin itu pun dia baca, tetapi saya tak hendaklah tunjuk di sini. *[Ketawa]*

Jadi, bangunan itu sebenarnya, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki, ada apa berjalan, sekadar belajar ilmu jin, kita belajar di luar!

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Hendak penjelasan? Okay, silakan.  
*[Ketawa]*

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya cukup hairanlah, bagaimana Yang Berhormat boleh dapat membandingkan antara sebuah-habis jahatnya manusia serupa juga dengan jahat jin, macam mana dia boleh membandingkan.

Sebab dia boleh tahu dari segi manusia sahaja, daripada segi jahat jin itu dia belum tahu lagi. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Saya ini melalui pembacaan. Saya tidak ada sahabat dengan jin. *[Ketawa]* Jadi, saya tadi hanya bercakap daripada maklumat pengetahuan ilmu yang saya baca, rasa-rasanya ada kebenarannya. Itu sahaja yang boleh saya jawab.

Menara ini memanglah pada asasnya kita bangunkan membuat untuk kegunaan Wakil-wakil Rakyat untuk berehat, menulis kertas kerja apabila hendak bercakap dan sebagainya dan ada tempat kita hendak sembahyang ataupun dia hendak bermalam, tidur di situ sekali sekala membawa isteri ataupun isteri-isteri yang bergilir. Jadi, itulah gunanya pada asalnya. *[Ketawa]*

Jadi, kita tidak hendak, sebab dahulu payah hendak menempah hotel begitu begini, jadi, kita buatkan tempat. Tetapi jangkaan kita itu kadangkala lari, banyak yang kita jangka lari. Bukan sahaja buat menara ini, kadang-kadang kita membuat jangkaan untuk harta kita pun lari, membuat rumah kadangkala tidak betul, ingat bagus dah, hendak dibuat di tempat lain pula.

Jangkaan itu selalunya memang tidak tepat, tetapi hasrat kita dahulu memang baik berdasarkan supaya kemudahan diberi kepada Wakil-rakil Rakyat ada tempat tinggal, jangan dia disebabkan tidak dapat datang ke sini kerana tempat tinggal susah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *[Menganggukkan kepalanya]*

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Ha, Tuan Yang di-Pertua kita ini dia menganggukkan kepalanya itu memang dia bersetuju, sebab dia memang orang yang sama terlibat dahulu. Jadi, itu jangkaan kita, tetapi bila keadaan sudah maju, orang ini datang cara lain, yang mudah suka hendak duduk di tempat lain, tempat itu tidaklah

digunakan lagi dengan sepenuh masa. Kita tentukan bilik itu untuk satu bilik dua orang, ada namanya, ada meja kerusinya, tetapi sudah orang tidak hendak pergi, apa boleh buat? Dan insya-Allah, kita akan usahakan orang kata, sebab tempat duduknya tidak lawa, tidak menarik, insya-Allah, kita sekarang ini dalam proses tender untuk meng‘upgrade’kan lagi, jadi, kita hendak menarik supaya orang suka tinggal di bilik itu.

Jadi, itulah sahaja, jadi, mudah-mudahan supaya kita dapat menarik mereka datang dan berehat di sana membuat apa-apa kerja yang patut mereka buat di sana. Bukan setakat menulis kertas kerja sahaja, benda-benda lain pun kita boleh buat.

Tuan Yang di-Pertua, lawatan ke luar negara. Saya ingat Senator ini tidak ketinggalan sama ada lawatan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri, CPA, IPU dan banyak lagi yang kita buat, sebab apabila saya dengar Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap membuat contoh-contoh negara luar. Ada yang bercakap baru balik daripada Australia misalnya, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki saya ingat baru balik daripada mengikut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di mana dia sebutkan, saya pun tak ingat. *[Ketawa]*

Yang Berhormat Puan Kamilia pun begitu juga, jadi, saya dengar ramai di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercakap contoh-contoh yang mereka baru balik dari luar negara, maknanya kita memberi peluang belaka, insya-Allah, mungkin kekerapannya itu tidak dapat kerap, mungkin ada yang tak dan sekali pun adalah. Tetapi, hasratnya memang negara kita memberi peluang kepada Ahli Yang Berhormat Wakil Rakyat dan juga Senator untuk melawat ke luar negara. Insya-Allah, kalau sesiapa yang belum lagi terpilih lagi besok, saya percaya pihak-pihak yang terlibat dia akan menyenaraikan siapa yang belum lagi itu akan dipilih pergi. Jadi, insya-Allah, kita akan pastikan.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' di atas penjelasan yang tersebut. Saya juga akui saya sendiri pun sebenarnya dua bulan yang lalu baharu sahaja balik daripada Afrika Selatan buat kali kedua, di bawa melawat oleh pihak Parlimen. Saya bercakap bagi pihak rakan-rakan, kawan-kawan yang tidak ada peluang kalau dapat kata Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan, sudah hendak berhenti dah tidak pernah ada peluang, dapatlah diperhatikan mereka yang hampir tamat tempoh ini.

Satu lagi Yang Berhormat Dato', yang saya hendak sebutkan di sini, tadi terlupa saya ketinggalan. Perkara ini kecil sahaja, tetapi kalau saya tidak sebutkan di sini, saya rasa perkara ini akan berterusan, iaitu mengenai elaun pakaian panas bagi Ahli-ahli Parlimen, Ahli Dewan Negara, Ahli Dewan Rakyat masih lagi kekal RM600 sedangkan setahu saya, pegawai kerajaan telah pun dipinda kepada RM1,500. Kalau saya tidak sebutkan di sini kemungkinan perkara ini akan terus terlepas pandang daripada semua pihak.

Saya kira pegawai kerajaan mungkin tidak dapat hendak membantu, hendak pinda perkara ini kalau tidak arahan daripada pihak atas. Terima kasih.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, saya pun sudah jawab di antaranya dan mengenai dengan elaun pakaian sejuk itu, insya-Allah, saya akan cuba semak balik keadaan sebenarnya, bagaimana berlaku perkara yang sebenarnya.

Hak yang belum pergi itu, saya tidak hendak berjanjilah, tetapi saya akan bercakap dengan Presiden IPU ataupun dengan CPA mana yang terlibat supaya mengambil kira Ahli-ahli Yang Berhormat kita yang belum pergi lagi eloklah diberi peluang supaya mereka dapat pergi.

Saya hendak berpindah kepada perkara yang lain, Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bercakap panjang sangat, sebab dia banyak lagi hendak bercakap dalam bill yang lain.

Yang Berhormat Tuan Ding Seling, menara Parlimen saya sudah sebutkan, mengenai lawatan pun, saya sudah sebut hanya dia menggambarkan bagaimana dia melawat di Australia, dia kata ada bilik staf yang baik, komputer yang baik dan sebagainya.

Jadi, Alhamdulillah, kita juga sedang berkira hendak membuat tender untuk upgradekan Perpustakaan kita dan juga pengkomputeran kita hendak dinaiktarafkan. Jadi, berdasarkan kepada ini jugalah supaya kita dapat mengumpulkan maklumat lebih updated lagi. Jadi, kita memang dalam jangka untuk melaksanakan Perpustakaan Parlimen dan juga komputer kita hendak dinaiktarafkan lagi.

Saya hendak berpindah kepada Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal mengenai perbahasan rang undang-undang ini terlalu pendek, sekurang-kurangnya separuh daripada Dewan Rakyat, perkara ini juga boleh kita beritahu kepada pihak atasan atau kalau boleh semasa kita ada pre-council kita boleh bangkitkan perkara ini supaya pihak atasan mengambil kira supaya tempoh ini diberikan sewajarnya kepada Dewan Negara. Tetapi apa yang saya hendak sebutkan di sini ialah Yang Berhormat ini semuanya orang pintar, dia bercakap terus kepada benda yang hendak dicakap, jadi, walaupun pendek kadangkala memenuhi hasrat apa yang dikehendaki. Ha ini yang penting, lepas itu kalau kita hendak cepat lagi, hak yang sudah selalu sebut oleh kawan kita itu, kita khabar setuju, lepas itu kita berikan pandangan yang lebih baik. Ha itu yang lebih penting.

Jadi, benda itu kita boleh menyelamatkan masa dengan baik. Jadi, Ahli Yang Berhormat sekarang ini memang begitulah, saya percaya walaupun banyak mana pun bill

diberi dalam sehari, mereka bercakap cukup pintar. Jadi, sengaja sahaja dia mengkhabar masa itu pendek dan sebagainya, kadangkala sebenarnya masa mereka itu cukup kadangkala cukup diberi, adalah satu, dua akta yang patut dipanjangkan masanya, memanglah kita sekarang ini kita mengambil perhatian supaya perkara itu dipanjangkan untuk Ahli Yang Berhormat sekalian mengambil bahagian.

Kemudian, berkenaan Internet, saya cubalah bercakap dengan pihak Parlimen supaya adalah satu line Internet di bilik rehat, bilik lobi Ahli Yang Berhormat Dewan Negara, saya rasa perkara ini perlu difikirkan, di sana sudah ada satu, sepatutnya di sini pun ada satu. Nanti tukkanlah pula, dia bersidang di sini dia hendak pergi pula ke bilik di sana yang jauh, memang itu satu benda yang patut kita lengkapkan, ertinya Parlimen ini mestilah standardnya agak baiklah. Jadi, cadangan Ahli Yang Berhormat itu memang saya cukup bersetuju, terpulang kepada sama ada duit ada ataupun tidak ada, itu saya akan berbincang dengan pihak Parlimen. Perkara ini akan saya sampaikan, insya-Allah, jangan risau. Mudah! Kita ini bukan payah-payah, mudah, boleh berunding!

Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim, saya sudah sebutkan sedikit mengenai cadangannya mengenai tempoh. Lepas itu mengenai Ahli Majlis Kaunsel Perundangan Persekutuan 1955 hingga 1959, saya ingat benda ini kalau boleh kena bawa secara lengkap bertulis kepada pihak atasan, ke pihak sinikah, kita boleh sampaikan kepada pihak kerajaan yang berkenaan supaya pihak undang-undang mengkaji sama ada benda ini boleh ataupun tidak diberi imbuhan kepada mereka yang terlibat.

Selain daripada itu memanglah kita *[bercakap bahasa Arah]* - tiap-tiap soalan itu ada jawapan tetapi kadangkala jawapannya itu tidak menepati dengan soalan yang dikehendaki oleh Yang Berhormat yang berkenaan. Kadangkala yang menjawab pun tidak faham apa yang disoal oleh Yang Berhormat berkenaan. *[Ketawa]* Jadi, kadangkala adalah sedikit sebanyak tetapi hakikatnya kita cuba menjawab dengan sepas hati apa yang ditanya oleh Yang Berhormat. Itu hasrat kita. Memang kita tidak ada hendak main-main tidak ada, tidak ada hendak main-main tetapi kadangkala sekali-sekala kita menyebut benda-benda yang agak - itu biasalah! Sebab kita hendak menarik supaya benda itu diambil perhatian. Itu biasalah kita sebagai manusia biasa, biasalah! Tetapi hasratnya kerajaan yang duduk di sebelah sana, saya percaya pihak Yang Berhormat yang duduk di sebelah sana membuat soalan itu

soalan yang memang difikir dengan sebaik mungkin dan kami di sini juga menjawab, berfikir dan membuat jawapan sebaik mungkin supaya sama-sama berpuas hati. Terima kasih.

Lepas itu saya ingat, Yang Berhormat mana lagi, saya kalau tidak jemput, saya minta maaflah, saya pun banyak yang terlepas, maknanya saya rasa saya sudah sebut secara keseluruhan apa yang dikehendaki, soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian. Insya-Allah, mana-mana yang saya tidak terjawab kita ambil catatan dan mana-mana yang patut kita fikirkan untuk dilaksanakan, kita laksanakan dengan sebaik mungkin. Saya mengucap terima kasih kerana pihak Yang Berhormat memberi sokongan kepada rang undang-undang ini dan di atas sokongan ini saya amat hargai. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Wah, jawapannya pun seronok ya. *[Ketawa]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.**

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG PENCEGAHAN RASUAH 1997**

### **Bacaan Kali Kedua dan Ketiga**

**5.50 ptg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta yang dinamakan Akta Pencegahan Rasuah 1997 atau dalam bahasa Inggeris, Prevention of Corruption Act 1997 yang bertujuan menyatu dan menyelaraskan undang-undang pencegahan rasuah yang sedia ada, memasukkan peruntukan-peruntukan baru dan lebih kemas terutama bagi usaha-usaha pencegahan rasuah, memberi kuasa-kuasa menyiasat dan peruntukan hukuman yang lebih berat ke atas pesalah jenayah rasuah supaya negara dapat menangani jenayah rasuah secara lebih tegas dan dengan lebih berkesan.

[Tuan Yang di-Pertua **Mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, rasuah merupakan jenayah keji dan merbahaya. Sepanjang sejarah masyarakat manusia dari zaman bahari hingga hari ini, rasuah dikutuk oleh semua tamadun.

Rasulullah s.a.w. dilaporkan bersabda, Allah melaknatkan yang menerima rasuah, yang memberi rasuah dan yang menjadi perantara rasuah.

Kautilya', Perdana Menteri Empire Maureiya di India yang hidup dalam abad ke-4 Sebelum Masehi menyatakan kebimbangan terhadap kesan buruk rasuah terhadap pemerintahan. Dalam sejarah pemikiran Islam, bahaya rasuah ditegaskan oleh Ibnu Khaldoun dan sezaman dengan beliau Wang An Tze yang menjadi Perdana Menteri Dinasti Sung Utara bergelut untuk membanteras rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, gerakan membanteras rasuah di Malaysia harus dilihat secara positif. Ia bukan agenda politik tetapi ia adalah agenda pembangunan bangsa kerana rasuah merupakan kuman yang boleh merosakkan pemerintah dan negara. Kita tahu dari Sejarah Melayu bagaimana rasuah menyebabkan kejatuhan Kesultanan Melaka. Rasuah boleh jadi penghalang kemajuan ekonomi dan masyarakat. Ia menggaris keyakinan terhadap jentera pentadbiran pemerintah dan institusi awam dan menjadi penghalang kepada usaha-usaha untuk meningkatkan mutu pentadbiran dan keberkesanan kerajaan. Dari segi ekonomi, rasuah meningkatkan kos, mengherotkan urutan keutamaan dan menyebabkan pengagihan sumber yang salah.

Kita bersyukur kerana gejala rasuah di Malaysia belum sampai ke peringkat parah yang melumpuhkan pentadbiran dan menyebabkan rakyat dan pelabur kehilangan kepercayaan terhadap jentera kerajaan.

Namun kita harus meningkatkan usaha membanterasnya. Usaha ini menjadi lebih mendesak tatkala Malaysia memerlukan pelaburan asing dalam sektor strategik dan juga pemindahan teknologi. Dalam kebanyakan negara-negara industri kini menggubal undang-undang mengharamkan pemberian rasuah dan mendakwa syarikat-syarikat negara mereka yang terlibat dalam kegiatan rasuah. Kita tidak mahu kita kehilangan pelaburan yang strategik kerana mereka tidak mahu terlibat dalam kegiatan rasuah.

Untuk membanteras jenayah rasuah, kita perluk meningkatkan kemampuan Badan Pencegah Rasuah dari segi tenaga manusia terlatih dan juga prasarana yang diperlukan untuk keberkesanan fungsi. Justeru itu, peruntukan untuk Badan Pencegahan Rasuah akan ditambah dan jumlah kakitangannya akan ditambah seramai 237 orang. Keberkesanan membanteras rasuah juga bergantung kepada peruntukan undang-undang yang berkesan dan mencukupi. Atas sebab ini maka kita mengambil keputusan untuk menggabungkan segala undang-undang mengenai rasuah di bawah satu akta. Sebelum ini undang-undang mengenai kesalahan perbuatan jenayah rasuah di Malaysia pada masa ini wujud di dalam beberapa undang-undang yang berlainan iaitu yang pertama, Akta Pencegah Rasuah 1961 yang telah disemak pada tahun 1971 Akta No. 57, yang kedua, Akta Badan Pencegah Rasuah 1982 iaitu Akta No. 271, yang ketiga, Ordinan No. 22 (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat 1970, yang keempat, Kanun Keseksaan dan yang kelima, Akta Kastam 1967.

Kini sudah tiba masanya undang-undang yang sedia ada ini dipinda dan disatukan bagi memastikan pelaksanaan penguatkuasaan lebih berkesan bersesuaian dengan keadaan masa kini. Melalui pindaan ini, pegawai-pegawai Badan Pencegah Rasuah diperuntukkan kuasa-kuasa khusus sebagai pegawai-pegawai Badan Pencegah Rasuah *per se*, dengan izin, dan tidak cuma dianggap sebagai pegawai polis yang mempunyai kuasa-kuasa seperti

pegawai polis seperti di bawah Seksyen 5(ii) Akta Badan Pencegah Rasuah 1982. Pegawai-pegawai Badan Pencegah Rasuah cuma dianggap sebagai pegawai polis yang mempunyai kuasa-kuasa seperti seorang pegawai polis.

Rang Undang-undang ini akan memperjelaskan fungsi Badan Pencegah Rasuah sebagai agensi penguatkuasa undang-undang yang berasingan, mengelakkan pertindihan kuasa dengan polis dan seterusnya memiliki prasarana berasingan untuk menjalankan tugas dengan berkesan, menjamin kelincinan sesuatu siasatan terutama sekali dari segi kerahsiaan bertindak dan operasi-operasi yang dijalankan.

Pada masa ini, Badan Pencegah Rasuah tidak mempunyai segala kemudahan pentadbiran seperti yang diperuntukkan oleh peraturan-peraturan di bawah Kanun Prosedur Jenayah (KPJ). Umpamanya, BPR tiada balai dan lokap sendiri yang digazetkan, tiada Buku Laporan Badan Pencegah Rasuah sendiri, tiada kemudahan mengambil cap jari dan gambar penjenayah dan tiada diperuntukkan kuasa melepaskan orang yang disyaki dengan mengikat jaminan.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi undang-undang, akta-akta yang berlainan mempunyai kaedah-kaedah pembuktian, anggapan dan beban bukti yang berlainan. Ini secara keseluruhannya menyebabkan undang-undang berkaitan rasuah menjadi tidak seragam.

Sebagai contoh, di bawah Akta Pencegah Rasuah 1961, terdapat anggapan di bawah Seksyen 14 yang mengatakan: '*Jika dibuktikan bahawa sesuatu suapan telah dibayar atau diberi kepada seseorang anggota awam maka suapan itu hendaklah dianggap sebagai telah dibayar atau diterima secara rasuah melainkan jika dibuktikan sebaliknya.*'

Tetapi anggapan ini tidak pula terpakai di atas kesalahan-kesalahan di bawah Kanun Keseksaan dan Akta Kastam. Perkara ini akan diperbetulkan dalam undang-undang yang dicadangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam organisasi penguatkuasaan seperti Badan Pencegah Rasuah, konsep chain of command, dengan izin, adalah merupakan satu ciri yang mustahak yang mempunyai implikasi ke atas spen of control kerana ia mempunyai kaitan dengan keberkesanan pengawasan ke atas pegawai-pegawai penyiasat.

Dalam akta yang sedia ada hanya terdapat tiga peringkat jawatan Pegawai Badan Pencegah Rasuah yang mengandungi 9 gred jawatan iaitu Pegawai Siasatan, Penolong Pegawai Siasatan dan Pembantu Siasatan. Keadaan ini telah menyebabkan tidak wujudnya dengan izin, 'the flow chain of command' yang teratur mengikut jawatan.

Kurang lapisan atau hierarki jawatan seperti yang wujud dalam lain-lain agensi penguatkuasaan seperti dalam pasukan polis menyebabkan kuasa-kuasa yang diperuntukkan tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan. Oleh itu, adalah dicadangkan struktur perjawatan Badan Pencegah Rasuah disusun semula dari 9 gred kepada 11 gred perjawatan iaitu dari jawatan ketua pengarah hingga kepada jawatan pegawai penyiasat bagi memantapkan lagi, dengan izin, 'the chain of command' dan pembahagian kuasa yang jelas.

Kerajaan juga menganggap sudah tiba masanya undang-undang pencegahan rasuah yang ada sekarang, khususnya Akta Pencegahan Rasuah 1961 yang kali terakhir dipinda pada tahun 1971 dikaji semula bersesuaian dengan keadaan masa kini. Antara sebab mengapa cadangan Rang Undang-undang Akta Pencegahan Rasuah 1997 dikemukakan adalah seperti berikut :-

**1. Kelemahan Pada Undang-undang Rasuah Sedia Ada.**

Perbuatan jenayah rasuah merupakan perbuatan jenayah kolar putih yang semakin hari semakin canggih dan dilakukan dengan pintar. Umpamanya, dari segi penggunaan nama orang lain bagi pihak dirinya atau untuk memegang harta yang diperolehi akibat perbuatan rasuah dengan menggunakan nama orang lain. Di bawah undang-undang yang sedia ada, adalah sukar untuk mengaitkan orang-orang yang berkenaan dengan kesalahan-kesalahan rasuah yang dilakukan.

Dalam rang undang-undang yang dicadangkan ini, kelemahan ini cuba diatasi dengan menambah tafsiran, dengan izin, “associate” dan “relative” yang digunakan bagi beberapa peruntukan seperti seksyen 15 dan 32.

**2. Keterangan Rakan Sejenayah.**

Jenayah rasuah juga merupakan satu bentuk jenayah yang unik kerana pelaku dan mangsanya dianggap ‘accomplice’ atau rakan sejenayah walaupun sebenarnya mangsa itu sendiri yang melaporkan kepada pihak berkuasa. Kredibiliti mereka adalah diragukan dan perlu keterangan sokongan.

Adalah dicadangkan dalam rang undang-undang ini, keterangan rakan sejenayah yang sebenarnya merupakan mangsa boleh diterima pakai oleh mahkamah dengan menambah peruntukan baru iaitu, dengan izin, seksyen 45(1)(a)(i) hingga (iii):

*“45. (1) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis atau rukun undang-undang yang berlawanan, dalam mana-mana prosiding terhadap mana-mana orang atas sesuatu kesalahan di bawah Akta ini -*

- (a) *tiada saksi boleh dianggap sebagai rakan sejenayah hanya semata-mata kerana saksi itu telah -*
  - (i) *menyetuju-terima, memperoleh, meminta, bersetuju untuk menyetuju-terima atau menerima, atau cuba untuk memperoleh apa-apa suapan daripada mana-mana orang;*
  - (ii) *memberikan, menjanjikan, menawarkan atau bersetuju untuk memberikan apa-apa suapan; atau*
  - (iii) *telah dengan apa-apa cara terlibat dalam pelakuan kesalahan itu atau tahu tentang pelakuan kesalahan itu.”*

**3. Kesukaran Mengesan Jenayah Rasuah.**

Kesalahan rasuah merupakan satu jenayah yang sangat sukar dikesan kerana kedua-dua belah pihak mendapat faedah daripada pelakuan jenayah itu. Dalam banyak keadaan, ia berlaku secara seorang dengan seorang, iaitu secara bersembunyi dan secara suka sama suka. Dalam lain keadaan pula, terdapat permintaan rasuah secara ‘extortive’ iaitu di mana mangsa dipaksa memberi wang rasuah, jika tidak, mangsa tidak akan memperolehi apa yang dikehendaki atau mungkin dikenakan tindakan yang lebih berat.

Salah satu cara pencegahan rasuah yang paling berkesan adalah dengan mengadakan peruntukan undang-undang di mana pelaku rasuah boleh dihalang daripada menikmati apa juga hasil yang diperolehi melalui rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, seseorang pelaku rasuah mungkin boleh mengelak daripada dikesan oleh pihak yang berkuasa. Namun begitu, di bawah peruntukan yang dicadangkan, seseorang penjawat awam yang disyaki telah melakukan rasuah akan diperintah untuk mengisyiharkan hartanya. Sekiranya didapati harta yang dimilikinya tidak sepadan dengan pendapatan yang sah, dia akan diminta memberi penjelasan bagaimana dia memperolehi harta itu. Sekiranya dia gagal berbuat demikian, dia dianggap melakukan suatu kesalahan dan harta yang melebihi pendapatannya yang sah itu boleh dirampas di bawah seksyen 32, 33 dan 34.

Sebagai mengatasi masalah kesukaran mengesan perbuatan jenayah rasuah ini, dicadangkan juga penggunaan, dengan izin, ejen provokasi, iaitu seorang ejen yang digunakan oleh BPR untuk sesuatu penyiasatan. Di bawah Akta Dadah Berbahaya, penggunaan ejen provokasi oleh pihak polis adalah dibenarkan. Ejen provokasi ini dilindungi daripada sebarang pertuduhan di mahkamah.

Di samping itu, adalah dicadangkan supaya diperuntukkan juga kuasa-kuasa untuk memintas dan mendengar sebarang perbualan menggunakan alat-alat telekomunikasi.

#### **4. Hukuman Tidak Setimpal.**

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, berdasarkan pengalaman Badan Pencegah Rasuah menjalankan pendakwaan kes di mahkamah, hukuman-hukuman yang dikenakan ke atas mereka yang disabitkan dengan kesalahan jenayah rasuah selalunya tidak setimpal dan dianggapkan ringan. Dari jumlah 1,187 kes yang dijatuhkan hukuman penjara oleh mahkamah, sepanjang tempoh 1985 hingga 1995 sebanyak 597 kes atau 50.3% dikenakan hukuman penjara satu hari sahaja, 388 kes atau 32.7% pula dikenakan hukuman penjara antara dua hari hingga enam bulan sahaja. Ini bermakna sebanyak 985 kes atau 83% kes dikenakan hukuman penjara di bawah enam bulan, manakala itu terdapat hanya 36 kes atau 3% sahaja pesalah yang disabitkan kesalahan rasuah dikenakan hukuman antara 19 bulan hingga 30 bulan dan hanya 9 kes atau 0.7% sahaja dikenakan hukuman penjara antara 31 bulan hingga 48 bulan. Terdapat juga kes-kes di mana mahkamah hanya menjatuhkan hukuman denda sahaja.

Hukuman-hukuman yang tidak setimpal dengan kesalahan jenayah yang serius ini menyebabkan tiadanya unsur-unsur deterrent, maka saya mencadangkan hukuman penjara minimum selama enam bulan dan hukuman penjara maksimum tidak melebihi 20 tahun diperkenalkan, di samping hukuman denda.

Tuan Yang di-Pertua, kes-kes rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan sewajarnya dianggap sebagai suatu jenayah yang amat serius. Jenayah yang dilakukan oleh pelakunya meninggalkan kesan yang amat buruk, khususnya jika pelakunya ialah pegawai dan kakitangan awam yang telah diberi kuasa, amanah dan tanggungjawab untuk mentadbir sesebuah negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memetik kata-kata Ramol Petra Vonica, Pengurus Suruhanjaya Antirasuah Negara Romania dalam, dengan izin, The Ninth United Nations Congress on Prevention of Crime and Treatment of Offenders, yang berlangsung di Kaherah, Mesir pada 28 April hingga 8 Mei 1995. Beliau menegaskan, dengan izin:

*“Corruption had to be fought simultaneously at the national and international level.*

*Penalties should be strengthened and criminal procedures amended to take into account to modern economic crime.”*

Tuan Yang di-Pertua, reformis China, Wang Aun Sher yang menjadi Perdana Menteri Dinasti Sung Utara, dalam perjuangan beliau untuk membasmi rasuah mendapati dua sumber utama rasuah; pertama, manusia yang keji, dan kedua, undang-undang yang lemah.

Punca pertama, perlu kita tangani melalui pendidikan dan program untuk menggilap kesedaran akhlak. Masyarakat kita harus dididik dan diasuh agar melihat rasuah dengan rasa jijik dan mual. Pendidikan agama dan akhlak harus dijuruskan ke arah melahirkan kesedaran ini.

Punca kedua, harus perlu kita tangani dengan reformasi undang-undang untuk menghasilkan undang-undang yang kuat, tegas dan berkesan untuk menghalang jenayah rasuah.

Kita juga perlu peruntukan perundangan yang kuat untuk mensabit dan menghukum petualang rasuah. Inilah cabaran bagi kita pada masa ini. Ia bukanlah satu perkara yang mudah bahkan ia menuntut kejujuran dan iltizam politik. Sementara gerakan kerajaan untuk membanteras rasuah mendapat tepukan gemuruh, ada juga yang cuak dan curiga bila kerajaan benar-benar bersungguh-sungguh untuk memerangi rasuah.

Apa juga yang menyatakan keimbangan bahawa rang undang-undang yang di hadapan kita mempunyai peruntukan yang memberikan kuasa yang terlalu luas kepada Badan Pencegah Rasuah dan Peguam Negara dan kuasa itu kononnya boleh disalahgunakan. Kita mendengar semua pandangan tersebut dan kita amati dengan saksama tetapi persoalannya ialah apakah kita hendak membiarkan penjenayah rasuah lepas begitu sahaja, dengan izin, technicalities undang-undang. Dengan itu, segala usaha kita untuk mencegah rasuah akan tinggal menjadi slogan kosong atau kita memberikan peruntukan-peruntukan yang jelas dan kuat agar penjenayah rasuah tidak dapat lepas lari dan berselindung di sebalik the technicalities of the law, dengan izin.

Selama ini kita mendengar kerajaan dicemuh kerana membiarkan rasuah bercambah. Tindakan terhadap jenayah hanya ditumpukan kepada ikan-ikan kecil, sementara jerung-jerung rasuah dibiarkan berleluasa atau tidak disentuh langsung. Kita tidak perlu menggubal undang-undang untuk menangkap mereka yang makan suap sebanyak

RM200. Undang-undang sekarang mencukupi untuk menangani kesalahan rasuah seperti itu, tetapi kita menggubal undang-undang untuk menangkap jerung-jerung rasuah yang melakukan kesalahan melibatkan berjuta-juta ringgit.

Persoalannya ialah apakah urutan keutamaan kita? Apakah kita mempunyai undang-undang yang sempurna dari kaca mata pakar undang-undang mengikut, dengan izin, time honoured principles yang dengannya petualang rasuah boleh lepas bolos atau mempunyai undang-undang yang memberikan kerajaan kuasa yang mencukupi untuk mencegah rasuah.

Kita harus sedar bahawa kita berhadapan dengan penjenayah yang pintar dan celik undang-undang dan kenal segala kelemahan undang-undang. Kita juga berhadapan dengan mereka yang berpengaruh dan berkuasa, tetapi mereka yang memberikan masyarakat mereka nama yang buruk. Seekor kerbau yang membawa lumpur, semuanya terpalit. Sudah sampai masanya kita memiliki peruntukan yang secukupnya yang membolehkan kita bertindak tegas terhadap kerbau yang membawa lumpur ini. Tetapi apa sahaja yang akan kita lakukan, kita akan lakukan dengan adil. Kita tidak berhasrat untuk menganiayai sesiapa bahkan kita sediakan peruntukan yang mencukupi untuk menjamin tiada berlaku penganiayaan dan juga boleh bertindak kepada mereka yang berniat jahat dengan membuat tuduhan rasuah yang tidak berasas.

Tuan Yang di-Pertua, kita mahu Malaysia suatu masa nanti juga menjadi contoh negara yang berjaya membanteras rasuah sebagaimana Malaysia harus sebagai negara yang berjaya membasmikan kemiskinan. Jika kita memiliki tekad, insya-Allah, kita akan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang Menubuhkan Badan Pencegah Rasuah 1997 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal.

### **6.30 ptg.**

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun pada petang ini bagi mengambil bahagian membahaskan rang undang-undang Akta Rasuah yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat dan terus dibawa ke Dewan Negara pada hari ini. Kita faham pindaan yang terakhir adalah 1971 merupakan edah ini adalah terlalu lama di sekitar 25 tahun. Dua puluh lima tahun kita tidak pernah memindahkan Akta-akta Rasuah. Kita harus faham dan kita mengerti apabila sebut sahaja perkataan ‘rasuah’ merupakan satu penyakit dalam masyarakat kita, dalam pemerintahan kita dan dalam kehidupan kita sehari-hari.

Kalau disebut ‘rasuah’, anak-anak kecil yang masih di bangku sekolah pun faham bagaimana bentuk rasuah. Kita lihat pada masa ini negara kita tidaklah seteruk negara-negara lain di dalam erti kata rasuah, kerana apabila kita keluar negara, tidak perlu disebutkan negara mana, kadangkala kita di lapangan terbang, di airport sendiri, bila sampai ke negara tersebut kita sudah diminta atau kita sudah dipohonkan sesuatu cendera hati dan sebagainya.

Kadang-kadang secara terus-terang ditanya, ‘apakah habuan-habuan mereka ada?’

Jadi, kalau negara ingin membangun untuk terus maju dalam bidang ekonomi dan sebagainya, inilah penyakit yang harus kita habiskan dan harus kita tentang habis-habisan. Saya mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir dan juga Timbalan Perdana Menteri yang berani dengan secara terus-terang lantang memberikan ungkapan-ungkapan yang kadangkala mengerikan supaya rasuah ini ditentang habis-habisan. Sebagai contoh, banyak pemimpin-pemimpin tidak kira daripada parti mana sekali pun diheret ataupun disiasat untuk menentukan bentuk apakah mereka ini terlibat dengan rasuah secara total.

Kalau kita tinjau rasuah ini pelbagai bentuk, jamuan pun merupakan rasuah, wang pun rasuah. Kadangkala kita lihat juga di dalam pejabat-pejabat kerajaan. Katakanlah kita lelaki memohon sesuatu perkara di jabatan-jabatan kerajaan. Kemudian datang pula seorang perempuan yang lebih cantik, pakaianya pula pendek sedikit. Ini juga kadangkala menyusahkan kita yang lelaki ini, lebih ambil kira daripada wanita-wanita yang datang berbentuk sedemikian. Ini pun juga saya rasakan rasuah. Ini adalah rasuah mata. Dengan ada pakaian yang terlondong sedikit, kabur mata pegawai-pegawai kerajaan. Saya minta maaflah kepada pegawai-pegawai kerajaan. Tetapi perkara ini sering berlaku tidak kira di Wilayah Persekutuan atau di negeri-negeri mana perkara ini berlaku. Terutama kalau perempuan itu pandai pula hemoi sedikit, bijak bercakap, merayu, kalah kita yang lelaki ini untuk bersaing dengan pihak perempuan dalam menentukan apa yang kita pilih. Ini rasuah. Kita belum tahu lagi bagaimana bentuk pujuannya. Mungkin setakat, katakan di pejabat dia kata, “Senangkah boss?” ataupun “tuan.” “Tengah hari ini kita lunch.” Pergi pula lunch. Lepas lunch pula, “Esok bila senang?” Temu janji lagi.

Ini juga merupakan rasuah. Rasuah yang sentiasa berleluasa di dalam pegawai-pegawai kerajaan. Ini yang tidak nampak, yang kita tidak ambil peduli. Kalau dia pakai cantik, pakai cantiklah, dia perempuan memang businesswomen, dengan izin, memang mahu cantik. Tetapi ini juga harus diambil kira sebagai satu rasuah. Berbagai-bagai bentuk rasuah yang ada yang harus kita peka untuk menangani masalah ini. Perdana Menteri juga pada dua hari sudah dalam mesyuarat Barisan Nasional membuat satu keputusan yang saya rasakan amat baik, kecuali dia kata “Nasi lemaklah, takkan hendak pulang balik,” misal kata. Yang lain-lain itu kena hantar ke Kementerian Kewangan, dinilai berapakah harganya dan pulangkan balik atau dijadikan khazanah kerajaan. Bukankah ini lebih baik.

Dahulu lagi rakyat saya rasa merintih tentang rasuah. Berbagai-bagai suara rakyat yang bercerita, kenapa kita tidak ikut macam Hong Kong, dia ada Suruhanjaya Pencegah Rasuah di bawah Royal Commission, dengan izin.

Jadi, bebas menyiasat. Saya terlihat sudah lama dahulu satu artikel di dalam akhbar yang keluar di Malaysia dan juga dalam majalah, bagaimana Hong Kong menangani masalah gejala rasuah yang berleluasa. Timbul semasa itu masalah perjudian yang amat hebat, perjudian yang haram dijalankan tanpa lesen di Hong Kong. Boleh dikatakan tiap-tiap lorong jalan di Hong Kong ataupun di Kowloon terlibat dengan perjudian. Jadi, untuk menangani masalah ini disiasat dan disiasat yang terlibat memberi kebenaran mengutip wang rasuah ini adalah Timbalan Ketua Polis Hong Kong. Adalah amat sukar untuk menangkapnya. Dia mengutip wang ini pada tiap-tiap hari. Ada seorang yang tukang kutip. Wang ini tidak dimasukkan dalam akaun dia. Dia pandai. Dia masukkannya di bawah nama ibu mertuanya, bapa mertuanya, anak saudara kepada isterinya kerana isterinya juga orang Cina Hong Kong, kerana dia orang British dan juga saudara-saudara sebelah datuk isteri dia.

Akan tetapi kerana ada Suruhanjaya Pencegah Rasuah di Hong Kong, disiasat hingga ke akar umbi. Semua diheret ke mahkamah. Jadi, tidak timbul masalah keraguan sama ada kewangan ini dipindah ke mana, tidak ada. Siapa sahaja menerima wang yang terlibat, disiasat oleh pihak polis, pihak Pencegah Rasuah heret ke mahkamah. Saya berterima kasih di atas rang undang-undang ini memang tercatat di dalam itu tertakluk kepada saudara-mara. Kalau esok siapa menerima rasuah bagi kepada mak ciknya atau kakaknya, sepupunya, iparnya akan menerima habuan yang setimpal secara saksama dengan orang lain.

Untuk tahun 1971 apa yang kita difahamkan bahawa apabila seorang itu menerima rasuah ia setakat kewangan dalam keluarga dia sahaja, mungkin isteri dia atau dia sendiri, kerana kewangan lepas kepada saudara tidak dapat disemak. Begitu juga yang telah sudah kita lihat bagaimana pembahagian saham-saham yang dikeluarkan oleh pihak kementerian bahawa penyelewengan saham-saham ini berlaku. Berlaku kerana ada niat dalam hati yang tidak ikhlas di dalam jabatan-jabatan itu bahawa ingin mencari kekayaan dengan sepintas lalu, dengan secepat mungkin yang mereka boleh, timbullah rasuah-rasuah. Ini merupakan rasuah. Jadi, dia hendak kaya, dia bubuh atas nama orang lain, dia luluskan, lepas itu apabila dia pencer esok dia ambil balik harta-harta yang demikian. Ini juga merupakan rasuah.

Tetapi sebelum mengemaskinikan akta ini, saya rasa di dalam Badan Pencegah Rasuah juga perlu diperbetulkan. Kalau kita hendak membuat akta ini berjalan dengan lebih baik, di dalam struktur pencegah rasuah itu jabatannya sendiri muhu baik, muhu betul. Kalau kita muhu suruh orang jalan betul, dalam pun kena betul. Kadangkala saya kasihan pegawai-pegawai yang bertugas dalam Jabatan Pencegah Rasuah ini ada yang tidak naikkan jawatannya hingga lima-enam-tujuh tahun. Pada hal dia lulus universiti, masih lagi jadi pegawai penyiasat. Apakah kelulusan dia hanya layak untuk menyiasat sampai seumur hidup hingga ke akhir hayat tamat sengsara hidupnya. Ini kena fikirkan. Kalau sudah sampai lima-enam tahun, dia sudah layak kerana lebih, naikkan pangkat. Tetapi kalau di takat yang lama sahaja, ini satu saya rasa diskriminasi dalam pentadbiran Badan Pencegah Rasuah sendiri. Kerana kebanyakan di dalam Badan Pencegah Rasuah ini, saya tidak tahu lah setakat ini, kalau setahun-dua

dahulu banyak daripadanya tidak graduate pun ada yang menjalankan sebagai pegawai kanan dalam Pencegah Rasuah. Jadi, bila datang orang baru, kelulusan yang baik, di situ timbul diskriminasi, tidak dinaikkan pangkat.

Saya rasa kementerian harus semak balik apa terjadi kepada 20 orang Pegawai Pencegah Rasuah yang diambil semasa kita menghadapi tekanan ekonomi tahun 1986-1987. Semasa itu kita banyak menggunakan ‘pegawai sangkut’ orang panggil. Sehingga sekarang ada yang tidak naik pangkat. Saya pasti saya rasa 20 orang kalau saya tidak silap yang diambil daripada universiti yang lulus dan tidak ada jawatan hendak diberi dan dimasukkan dalam Pencegah Rasuah hingga sekarang masih lagi jadi pegawai penyiasat. Saya rasa ini satu cara yang kurang baik. Berilah peluang kepada mereka ini. Saya lihat juga mereka ini menjalankan tugas bermati-matian. Bukan senang hendak serkap ‘jerung’, silap-silap mereka kena tangkap balik. Tugas mereka bukan mudah. Saya lihat mereka turun pukul 12.00 malam, pukul 1.00 pagi. Bukan kata tugas semasa waktu pejabat daripada 8.00 pagi hingga 4.00 petang, mereka bertugas di waktu malam buat serbuan dan sebagainya. Kadang-kadang terpaksa mengambil orang yang dituduh pukul 3.00 pagi, kerana yang dituduh duduk di night club tidak balik-balik, terpaksa tunggu di rumah. Macam-macam masalah. Begitu juga keselamatan mereka, bukannya begitu selamat.

Jadi, di sini haruslah struktur itu sendiri, cara kenaikan pangkat haruslah memikirkan tidak banyak diskriminasi di dalam Badan Pencegah Rasuah sendiri supaya jentera ini dapat berjalan dengan begitu baik. Kalau kita tidak beri peluang kepada mereka kenaikan pangkat mereka ambil tugas sambil lewa, kerana mereka kata ‘apa hendak tugas teruk-teruk, kita tugas 8 jam cukuplah, selepas itu kita balik, letak fail kita tidurlah.’ Jadilah kes yang bertapuk-tapuk tidak siasat. Saya percaya pada masa ini banyak kes yang tidak disiasat.

Satu lagi kalau sekiranya perlulah kes-kes ini tidak usah rujuk sangat kepada kementerian, hendak tangkap, tangkap terus sahajalah. Ini apabila sudah buat siasat, kena rujuk kepada kementerian, kena beritahu Perdana Menteri, beritahu Timbalan Perdana Menteri, beritahu menteri, ‘ini bolehkah tangkap atau tidak boleh.’ Ini jangan tunggu, kena tangkap, tangkap, tidak ada soal jawab. Kalau kita mahu bereskan, jangan kira kecil, jangan kira besar, tangkap. Kita tahu kadangkala dia rujuk juga kepada pihak atasan ‘ini bolehkah atau tidak boleh?’ Tangkap, jangan peduli. Itu kalau hendak tangkap, kalau tidak hendak tangkap, itu saya tidak tahu lah, saya tidak boleh buat apalah. Kerana akta ini kita luluskan kita harus hormat kepada akta ini. Kalau kita tidak menghormati akta ini, saya rasa tidak perlu kita luluskan. Tetapi kita menyokong, kita perlukan negara kita bersih daripada rasuah, kita perlukan negara kita teratur maju tanpa rasuah. Saya malulah Tuan Yang di-Pertua, bila baca sahaja majalah, dikategorikan rasuah di negara kita rasa saya tidak silap nombor tiga dalam Tenggara Asia. Malaysia adalah negara yang ketiga, dan ditulis pula dalam itu kalau orang-orang terutama orang Melayu kalau hendak kaya jadi perasuh, baru boleh kaya. Itu etika yang keluar saya rasa tidak kurang daripada 13-14 tahun dahulu, saya baca sendiri bagaimananya penghinaan terhadap kita.

Negara-negara barat menganggap kalau Melayu hendak kaya, hendak bersama-sama dengan bangsa rakan-rakan dalam Malaysia perlu rasuah, mahu pun pegawai kerajaan, pihak kementerian, pihak ahli Parlimen semuanya, termasuk ahli-ahli korporat perlu rasuah. Kalau ahli korporat memberi kepada sesuatu, ia juga terlibat dalam rasuah. Maknanya, rasuah juga untuk mendapatkan sesuatu. Kita malu, kita aib kepada negara-negara lain bahawa kita dianggap paling mengamalkan rasuah.

Apakah ini amalan harian kita? Sebagai negara Malaysia yang kita banggakan, kita penduduk di negara yang begitu aman, dengan ekonomi yang mantap, pertumbuhan ekonomi 8.5% setahun dan sekarang hendak kerja pun senang. Saya lihat anak-anak muda kita, bekerja hari ini besok berhenti. Saya tanya: “Kenapa berhenti?” Dia kata, dia buang tauke. Saya tanya: “Bukan tauke buang engkau?” “Tidak!” Dia kata: “Saya buang tauke, tauke tidak beri gaji mahal, saya berhentilah.” Ha, sampai ke tahap itu negara kita mewah. Kuli buang tauke, bukan tauke buang kuli. Jadi, kita sudah begini, janganlah kita terlalu melampau sangat bertoleransi dengan rasuah.

Kalau kita hendak kira rasuah ini, memang sukar untuk kita takrifkan, banyak cara rasuah, hati ini mahu bersih. Kalau hati kita tidak bersih, selagi kita niat untuk membantu sesuatu teringatkan untuk balasan dan sebagainya - susah. Di antara pegawai-pegawai kerajaan pun ada rasuah. “Okay, you tolong I, you tolong ini”, dengan izin, ada! Jabatan ini luluskan yang ini, yang ini luluskan yang ini. Ini juga rasuah, kerana yang ditolong itu kadang-kadang saudara dia, dia telefon ke sana, dia kata luluskan. Saya rasa masa pun sudah cukup.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa sudah cukup, sila sambung besok.

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Tuan Yang di-Pertua, jadi, macam ini, saya minta laluan sedikit, saya rasa besok saya tidak dapat sambung, jadi, saya rasa rasuah ini, ini hendak penghujunglah ini, rasuah ini saya rasa perlulah kita tentang habis-

habisan supaya ia tidak berleluasa dan kita tidak diaibkan atau kita tidak diperhinakan di peringkat antarabangsa. Sekian, terima kasih dan saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

## USUL

### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**6.30 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan[ Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

## **UCAPAN PENANGGUHAN**

### **Industri Perikanan Terjejas**

**6.32 ptg.**

**Dato' Haji Ahmad bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, pada 7 Ogos lalu sempena menyambut Hari Peladang, Pernernak dan Nelayan Kebangsaan 1997 di Terengganu, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim telah mengumumkan penekanan baru kerajaan dalam sektor pertanian yang menuntut semua pihak terbabit supaya menjadikan peningkatan pengeluaran makanan sebagai agenda utama.

Kerajaan masih tidak berpuas hati dengan peningkatan pengeluaran makanan negara yang tidak selari dengan peningkatan permintaan dan pertambahan penduduk.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim menjelaskan setiap tahun kerajaan terpaksa mengimport bahan makanan berjumlah sebanyak RM8.2 bilion untuk mengawal harga makanan dan mengurangkan inflasi. Kementerian Pertanian di semua peringkat bersama pimpinan Persatuan Peladang dan Nelayan digesa terlibat dalam bidang perniagaan dan pengurusan lain agar matlamat dan tumpuan pertama mereka mestilah mencari jalan meningkatkan pengeluaran makanan.

Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor juga telah menyatakan di bawah Dasar Pertanian Negara Ketiga, kerajaan akan menubuhkan Unit Penguatkuasaan dan menyusun semula keperluan setiap agensi di bawah Kementerian Pertanian bagi memastikan setiap projek yang dikendalikan dapat memenuhi sasaran meningkatkan pengeluaran bahan makanan dan kerajaan akan memastikan jumlah import makanan dari luar termasuk daging yang mencecah hampir RM9 bilion sehingga akhir tahun lalu akan dapat dikurangkan ke paras RM2 bilion dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh dan Kelapan.

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan-kenyataan yang saya sebutkan tadi dapat disimpulkan betapa pentingnya industri makanan diberi perhatian serius sebagai perimbangan dalam era pembangunan perindustrian teknologi lain.

Saya ingin menarik perhatian Kementerian Pertanian mengenai pesisiran pantai dan terumbu karang yang ada kaitan dengan industri makanan. Jika hal ini tidak diberi perhatian serius, saya yakin bahawa proses pembangunan mampan negara atau sustainable development, dengan izin, dalam jangka panjang akan terjejas. Saiz bilangan penduduk amat berkaitan sekali dengan kerosakan yang dilakukan ke atas alam sekitar. Begitu juga dengan cara hidup masyarakat itu sendiri seperti sumber yang digunakan serta jumlah pencemaran industri yang dikeluarkan semuanya memberi kesan kepada alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia yang sedang menghadapi masalah hakisan pantai yang mengancam pesisiran pantai negara, kira-kira 30% ataupun 1,400.3 kilometer daripada 4,089 kilometer pesisiran pantai negara kita mengalami kehakisan dengan 226.2 kilometer daripadanya ataupun 72 kawasan dikategorikan sebagai kritikal dan memerlukan kawalan segera.

Sebahagian hakisan kritikal itu berlaku di pesisiran pantai Selangor sepanjang 55.3 kilometer, diikuti Pulau Pinang sebanyak 36.7 kilometer, Kedah sepanjang 22.6 kilometer, Perak sepanjang 20.8 kilometer dan Terengganu sepanjang 20 kilometer.

Oleh itu hakisan jenis ini perlu dikawal segera, selain dikategorikan sebagai kritikal, hakisan pantai juga diklasikan sebagai significant, dengan izin, dan tidak berbahaya. Menurut suatu sumber, terdapat 65 kawasan pantai dengan panjang 228 kilometer dikategorikan sebagai hakisan serius iaitu yang boleh menjelaskan nilai

ekonomi dalam tempoh antara lima hingga sepuluh tahun jika tiada langkah kawalan diambil.

Tuan Yang di-Pertua, menurut penyelaras pendidikan Institut Kejuruteraan Pantai dan Lepas Pantai (IKPLP), Universiti Teknologi Malaysia, Dr. Noraini Mokhtar ada menyebutkan bahawa kebanyakan kejadian hakisan yang berlaku di pesisiran pantai negara ini berpunca daripada aktiviti manusia di darat. Projek pembinaan empangan umpamanya menghalang pengaliran sedimen-sedimen atau lodak ke sungai menyebabkan kuantiti lodak di sungai berkurangan seterusnya ianya pula mengurangkan lodak di pesisiran pantai.

Pada masa yang sama, lodak dibawa keluar dari pesisiran pantai ke laut, kekurangan lodak masuk ke pesisiran pantai itu menyebabkan kuantiti lodak masuk ke luar tidak seimbang dan ini menyebabkan hakisan berlaku.

Selain itu, hakisan pantai juga berpunca daripada faktor semula jadi iaitu pukulan ombak dan kehilangan lodak yang tidak seimbang di suatu kawasan terbabit ataupun kedua-duanya. Terdapat beberapa faktor yang boleh menjadikan sistem perlindungan pantai berkesan.

Pada hemat saya, pertama, program ini hanya akan berkesan bila ia diuruskan oleh agensi Kerajaan Pusat seperti Jabatan Parit dan Saliran (JPS) di bawah Kementerian Pertanian serta disokong oleh penduduk terutamanya komuniti tempatan yang turut terlibat sama dalam melaksanakan perancangan yang dibuat. Dan Kementerian Pertanian menerusi JPS seharusnya menetapkan satu zon pantai yang terhad dengan melarang aktiviti penangkapan ikan dan lain-lain aktiviti yang boleh menjelaskan pantai.

Sebagai contoh, kita boleh melihat The Great Barrier Reef Marine Park Australia yang ditubuhkan melalui satu Akta Parlimen pada tahun 1975 merupakan Taman

Terumbu Karang yang terbesar di dunia. Pihak berkuasa taman itu membahagikan kawasan 350,000 kilometer persegi itu kepada empat zon penggunaan am di mana segala kegiatan dibenarkan melainkan penangkapan ikan, perlombongan dan penggerudian minyak.

Tuan Yang di-Pertua, kedua, zon Taman Negara iaitu satu kawasan yang hanya boleh dilihat sahaja dan tidak boleh diambil apa-apa dari sana. Kawasan ini biasanya amat digemari oleh penyelam.

Dan ketiga, ialah zon terhad di mana semua aktiviti tidak dibenarkan kecuali penyelidikan saintifik sahaja.

Taman ini merupakan satu model utama yang menjadi contoh kepada negara lain yang berusaha untuk menguruskan pesisiran pantai mereka. Negara ini juga mempunyai beberapa Taman Laut seperti Taman Laut Pulau Redang di Terengganu dan Taman Laut Pulau Payar, Kedah yang dikendalikan oleh Jabatan Perikanan Malaysia.

Jika komuniti global termasuk agensi pembangunan Kementerian Pertanian gagal untuk mengambil tindakan berkesan dalam beberapa dekad bagi menjaga pesisiran pantai dan kekayaan sumbernya, sudah tentu ia akan mengancam survival masa depan. Pentadbiran Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP), Guspez, antara lain menyebutkan skrip bagi pembangunan manusia dalam abad ke-21 akan mula ditulis melalui pilihan yang kita buat hari ini.

Kita tidak seharusnya mengatakan kita tidak berkuasa untuk membuat sesuatu yang baik dengan membenarkan dunia semakin menjadi buruk. Saya menggesa Kementerian Pertanian mengambil inisiatif untuk melakukan suatu tugas besar bagi menjayakan pembangunan mampan dan sekali gus mempertahan dan menjaga industri perikanan sebagai keperluan masyarakat Malaysia di masa yang akan datang. Sama ada

kita sedar atau tidak, kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tempoh hari dan Timbalan Menteri Pertanian yang saya sebutkan di awal tadi bolehlah ditafsirkan sebagai suatu kenyataan tentang rasa bimbang terhadap perkembangan industri makanan negara. Ini adalah berdasarkan kepada beberapa data yang sepatutnya menjadi satu iktibar dan memerlukan tindakan yang segera sebagai contoh.

Jika kita lihat kepada permintaan ikan sahaja yang terus meningkat setiap tahun, penggunaan ikan per kapita seorang rakyat Malaysia dari tahun 1960 ialah sebanyak 39 kilogram meningkat kepada 42 kilogram pada tahun 1995 dan dijangka meningkat kepada 52 kilogram pada tahun 2000 dan 65 kilogram pada tahun 2020. Dan pemusnahan terumbu karang yang merupakan tempat pembiakan ikan, pemusnahan hutan bakau dan hakisan pantai yang berlarutan dan faktor-faktor ini akan menyumbangkan ke arah mengurangkan hasil tangkapan ikan dalam negara dan akhirnya nanti pergantungan kepada import ikan negara akan bertambah. Cubalah kita bayangkan sekiranya negara-negara yang menjadi pergantungan kita terhadap import ikan dilanda bencana alam, peperangan dan sebagainya sudah tentu keadaan ini akan menyebabkan industri makanan kita akan teruk terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, saya menggesa Kementerian Pertanian terus menjaga terumbu-terumbu karang, hutan paya bakau dan penghakisan pesisiran pantai agar industri perikanan negara dalam jangka panjang dalam dipelihara. Terima kasih.

#### **6.40 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Haji

Ahmad bin Ismail kerana begitu prihatin terhadap makanan rakyat Malaysia dan seterusnya ekosistem kita.

Tuan Yang di-Pertua, pesisiran pantai dan terumbu karang adalah merupakan dua khazanah penting. Tumbuh-tumbuhan pesisiran pantai dan terumbu karang bertindak sebagai suatu sistem ekologi atau persekitaran iaitu ekosistem semula jadi marin yang saling berinteraksi dan bertindak untuk mengekal, membiak dan memulihara iaitu memulih dan memelihara sumber perikanan. Status sumber perikanan amat sensitif terhadap sebarang perubahan ke atas ekosistem semulajadi seperti pesisiran pantai dan batu karang. Kepentingan masa depan industri perikanan akan terjejas andainya kedua-dua perkara tersebut tidak diurus dan dikawal dengan baik.

Hasil kajian Hakisan Pantai Negara yang disiapkan pada tahun 1986 menunjukkan bahawa kira-kira 29% iaitu 1,400 kilometer daripada 4,809 kilometer pantai di negara ini mengalami hakisan. 74 kawasan pantai sepanjang 232.7 kilometer telah dikenalpasti sebagai kawasan yang mengalami hakisan yang kritikal. Oleh itu, Kementerian Pertanian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah merangka strategi jangka pendek dan jangka panjang bagi tujuan mengawal hakisan di pesisiran pantai:

(i) **Langkah Jangka Pendek:**

Tindakan-tindakan yang diambil meliputi pembinaan struktur-struktur pengawalan hakisan di kawasan-kawasan yang menghadapi hakisan yang kritikal untuk melindungi kemudahan dan harta benda dari ancaman hakisan laut, sekiranya ianya berdaya-maju (viable) dari segi ekonomi. Bagi kawasan-kawasan di mana hakisan belum sampai ke tahap kritikal, pengesanan mengenai status hakisan

sedang dijalankan dan tindakan sewajarnya akan diambil sekiranya hakisan didapati telah menjadi serius.

(ii) **Langkah Jangka Panjang:**

Tindakan-tindakan yang telah diambil bertujuan untuk mencegah hakisan pantai melalui penyelarasan perancangan dan pengawalan pembangunan di kawasan pantai secara bersepadu, iaitu melalui kaedah-kaedah ‘non-structural’ seperti:

- mengawal pembangunan dan jenis kegunaan tanah di sepanjang pesisir pantai;
- mengekalkan hutan paya bakau dan menanam semula pokok bakau oleh kerana tumbuhan tersebut adalah satu-satunya tumbuhan semula jadi yang dapat mencegah hakisan pantai; dan seterusnya
- memastikan segala pembangunan dalam kawasan pesisir pantai tidak akan menimbulkan kesan-kesan buruk seperti hakisan pantai kepada kawasan sekelilingnya.

Bagi memelihara terumbu karang, Kementerian Pertanian telah mengambil langkah mewartakan kawasan perairan di 38 buah pulau seluruh negara sebagai Taman Laut. Sebarang aktiviti penangkapan ikan dan lain-lain aktiviti yang boleh menjelaskan sumber hidupan laut di kawasan perairan dua batu nautika dari pantai pulau-pulau berkenaan, kecuali Pulau Kapas, Terengganu iaitu satu batu nautika adalah dilarang. Ini memandangkan bahawa terumbu karang telah dikenalpasti sebagai kawasan pembiakan ikan semula jadi yang paling produktif. Dengan cara ini terumbu karang di kawasan

tersebut akan dapat dilindungi untuk warisan di masa yang akan datang. Kementerian Pertanian melalui Jabatan Perikanan amat prihatin dalam menangani masalah ini.

Pada masa ini industri perikanan negara berada pada tahap yang membanggakan. Walaupun tahap eksplotasi perikanan di kawasan perikanan laut pantai telah berada di paras maksimum, kerajaan telah berjaya menstabilkan pengeluarannya pada tahap 900,000 tan metrik ikan setahun. Adalah dijangkakan bahawa sumbangan ini akan terus berkekalan sehingga tahun 2010. Kepentingan perikanan pantai kepada ekonomi, pekerjaan dan pengeluaran ikan negara adalah amat penting. Kepentingan ini menjadi lebih ketara terutama dalam membekalkan makanan berprotein kepada penduduk di negara ini. Pada masa ini, 77.8% daripada jumlah pengeluaran ikan negara telah disumbangkan oleh perikanan laut pantai.

Di samping itu, negara kita amat bertuah kerana memiliki kawasan Zon Ekonomi Eksklusif yang luas iaitu 162,000 batu nautika persegi, di mana industri perikanan laut dalam dapat dimajukan. Berasaskan prestasi masa kini dan potensi sumber yang boleh diterokai, adalah dianjurkan sumbangan dari perikanan laut dalam akan meningkat dari 138,000 tan metrik dalam tahun 1995 kepada 433,000 tan metrik menjelang tahun 2010.

Selain daripada itu akuakultur juga menunjukkan kadar pertumbuhan yang amat memberangsangkan iaitu 20.5% setahun dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam. Jumlah pengeluaran akuakultur telah meningkat daripada 52,000 tan metrik pada tahun 1990 kepada 133,000 tan metrik pada tahun 1995. Jumlah pengeluaran dijangka akan terus meningkat sehingga 600,000 tan metrik menjelang tahun 2010.

Bagaimanapun industri perikanan juga tidak terlepas daripada isu-isu dan masalah. Antaranya ialah sumber perikanan laut yang terhad. Perikanan laut pantai misalnya telah diterokai ke tahap maksimum di mana jumlah pengeluaran dijangka tidak dapat

dingkatkan lagi kerana ianya akan menjaskan sumber di masa yang akan datang. Selain daripada itu terdapat pencerobohan nelayan-nelayan asing di perairan Malaysia menyebabkan negara kerugian sumber perikanan yang agak besar setiap tahun. Pada tahun 1994, dianggarkan negara mengalami kerugian sumber perikanan sebanyak 40,000 tan metrik yang bernilai RM33.1 juta kerana pencerobohan ini. Masalah pemendapan yang berlaku di jeti-jeti dan kompleks pendaratan ikan yang menyulitkan nelayan-nelayan tempatan untuk mendaratkan hasil tangkapan mereka juga menjadi satu isu dan masalah dalam industri perikanan selain daripada kecenderungan nelayan tempatan yang mendaratkan hasil tangkapan mereka di negara jiran. Setiap tahun dianggarkan sebanyak 50,000 tan metrik ikan telah didaratkan di negara jiran dengan nilai berjumlah RM50 juta.

Akuakultur juga tidak terkecuali daripada masalah dan ancaman terutama sekali masalah pencemaran sumber air dan ancaman penyakit. Aktiviti akuakultur adalah berkait rapat dan amat sensitif terhadap kualiti air. Kepesatan pembangunan dan aktiviti manusia yang tidak terkawal telah menjaskan kualiti air yang menjadi sumber akuakultur. Serangan penyakit juga turut menjaskan pengeluaran akuakultur keseluruhannya.

Seperti yang telah dijelaskan lebih awal tadi, hutan bakau adalah merupakan salah satu khazanah yang penting dalam mengekalkan ekosistem semula jadi untuk mengkal, membiak dan memulihara sumber perikanan negara. Sekiranya hutan bakau dimusnahkan secara berleluasa dan tidak terkawal, ianya akan menjaskan sumber perikanan dan seterusnya mengancam pendapatan nelayan terutamanya pantai.

Pesisiran pantai negara pada masa ini diliputi oleh hutan bakau ialah seluas 441,352 hektar. Hutan bakau juga memainkan peranan yang penting dalam mengekalkan

kestabilan pantai dari hakisan. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk memulihara hutan bakau ialah mengadakan zon penimbal atau penampang sepanjang 400 meter dari garisan pantai bagi kawasan bakau dan adalah disyaratkan supaya semua kerja-kerja pembangunan dijalankan di luar zon penimbal tersebut. Untuk pembangunan penebusgunaan tanah di kawasan hutan paya bakau, Jabatan Pengairan dan Saliran juga menasihatkan pemaju supaya melaksanakan menurut konsep pulau supaya tidak mengakibatkan kemasuhan hutan paya bakau.

Pada tahun 1995 sebanyak 34,906 bot dan lebih kurang 82,200 orang nelayan adalah terlibat dalam penangkapan ikan laut.

**Tuan Yang di-Pertua** Yang Berhormat, panjang lagikah Yang Berhormat? Masa tujuh setengah minit sahaja.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Sedikit lagi, dua mukasurat lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dua mukasurat lagi? Lambat itu! Dua minit lagilah.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, saya baca yang akhirnya. Kementerian Pertanian telah mengambil langkah-langkah tertentu dalam usaha untuk mengekal dan membangunkan industri perikanan negara. Antaranya ialah:-

- (i) Menjalankan program pelesenan ke atas aktiviti perikanan dengan mengenakan syarat-syarat yang perlu agar sumber perikanan dapat diterokai secara optimum tanpa menjelaskan sumber itu sendiri.
- (ii) Mempergiatkan rondaan perlindungan perikanan melalui unsur-unsur laut dan pengawasan udara bagi mencegah pencerobohan nelayan asing dan memastikan agar sumber perikanan diterokai dengan cara yang dibenarkan dan seterusnya menguatkuasakan Akta Perikanan.

- (iii) Membangunkan dan menguruskan Taman Laut. Pada masa ini sebanyak 38 buah pulau telah diwartakan sebagai Taman Laut bagi menjamin pemuliharaan habitat dan kawasan pembiakan ikan.
- (iv) Membangunkan tukun tiruan sebagai kawasan pembiakan dan perlindungan sumber ikan yang baru.
- (v) Memperkenalkan program pengurusan perikanan berasaskan masyarakat bagi mempertingkatkan kesedaran nelayan untuk sama-sama melibatkan diri di dalam pengurusan sumber perikanan.
- (vi) Mengadakan program kesedaran dan pendidikan kepada orang ramai mengenai kepentingan memulihara sumber perikanan untuk generasi akan datang.
- (vii) Menggubal dan menyediakan peraturan-peraturan akuakultur yang seragam bagi menjamin kemapanan industri akuakultur.
- (viii) Menerokai ternakan ikan dalam snagkar laut terbuka sebagai satu langkah untuk meningkatkan industri perikanan negara.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah Usul Penangguhan ini dikemukakan kepada Majlis untuk diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ini akan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari Selasa, 12 Ogos 1997.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.52 petang.*

